

PENYATA RASMI

**MESYUARAT KELIMA BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12**

KHAMIS, 26 FEBRUARI 2009

BIL. 5 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sopian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahrudin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN
NEGERI JOHOR)**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Jurutulis baca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER.

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat pagi, salam sejahtera Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ini Jurutulis yang baru. Semalam tak tidur hafal doa. Ahli Yang Berhormat, tadi ada bunyi telefonlah, tak tau siapa punya tadi. Harap tolong tutup eh, ha'ah. Tengah khusyuk doa ini, ganggu.

Saya harap Ahli Yang Berhormat semua berada dalam keadaan sihat walafiat, tak ada apa-apa hal. Persidangan diteruskan.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengambil... saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 1 dan 2 Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon bentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 3 hingga 13 Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 14, 15 dan 16 Tahun 2009.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 17 hingga 21 Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 21(A), 22 dan 23 Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2009.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2009.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Chia Song Cheng, jemput.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Jurusan perjumpaan antara penduduk-penduduk, tuan punya kedai-kedai di Taman Tasek dan Naib Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Taman Tasek bersama saya pada 19 Januari 2009:

- a. Oleh kerana persimpangan lampu isyarat di Taman Tasek telah ditutup dan taman tersebut tiada laluan alternatif keluar masuk yang lain, bolehkah MBBJ membuka jalan alternatif di belakang Jalan Lembah, Taman Tasek yang membolehkan laluan trafik keluar masuk ke Taman Tasek dari Jalan Skudai. Ahli Majlis taman tersebut Puan Chang bersama Pengarah Tuan Haji Sulaiman dan En. Mohd. Rafi telah menyelidiki kawasan tersebut pada 23 Januari 2009 dan laluan alternatif pun telah dikenal pasti.
- b. Sejak penutupan persimpangan lampu isyarat di Taman Tasek, terdapat banyak kereta sewenang-wenang di bahu persimpangan yang telah ditutup (di bahu jalan bertentangan Maybank) menyebabkan laluan keluar sempit dan menyusahkan laluan keluar oleh lori treler dan lori besar yang lain. Adakah pihak MBBJ akan melebarkan laluan keluar persimpangan ini dengan segera memandangkan ianya merupakan satu-satu laluan keluar dari Taman Tasek dan kesempitan laluan ini menyulitkan perjalanan keluar kenderaan besar dari Taman Tasek.
- c. Sejak penutupan persimpangan lampu isyarat di Taman Tasek, penduduk (khususnya murid sekolah) Taman Tasek sukar untuk menyeberangi Jalan Tun Abdul Razak bagi tujuan menaiki bas yang menghala ke bandar. Mereka mengambil risiko yang besar untuk menyeberangi jalan yang lebar tersebut dan saya khuatir akan berlaku malapetaka suatu hari nanti. Adakah pihak yang berkenaan akan membina sebuah jejantas pejalan dengan segera untuk mengelakkan sebarang kemalangan/malapetaka?
- d. Sering terdapat kes pecah rumah dan pecah kedai di Taman Tasek, yang mana yang paling teruk adalah kemasukan pencuri di 10 buah kedai dalam 9 hari di bulan April 2008. Adakah pihak kerajaan akan membina sebuah pondok Balai Polis di Taman Tasek sepertimana yang terdapat di taman-taman lain, seperti Taman Pelangi, Taman Impian Emas dan lain-lain. Sebuah rumah kedai telah dikenal pasti untuk tujuan ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lawatan kerja mengenai permasalahan yang dibangkitkan oleh ADUN Kawasan Pengkalan Rinting telah pun diadakan pada bulan Januari tahun ini bagi mengkaji permohonan Jawatankuasa Penduduk untuk membina satu laluan keluar dan masuk ke Taman Tasek dari Jalan Skudai. Daripada hasil lawatan tersebut, didapati memang betul ada satu rizab jalan yang kelebarannya sepanjang 40 kaki keluasannya yang menghubungkan Jalan Susur Jalan Skudai yang boleh

kita sambung ke Jalan Lembah di Taman Tasek. Pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru telah pun mendapatkan sebut harga daripada kontraktor untuk menjalankan kerja menghampar 'crusher run' dan menurap jalan berkenaan bagi tujuan keluar masuk ke Taman Tasek dari Jalan Skudai. Dan, kerja-kerja akan dijangka bermula pada bulan hadapan.

Setakat ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kita belum lagi bercadang untuk melebarkan jalan keluar masuk ke Taman Tasek di Jalan Tasek bersebelahan dengan bangunan Maybank. Ini kerana kita dapati laluan sedia ada itu adalah cukup lebar dan boleh digunakan untuk 2 laluan kenderaan keluar dan masuk. Masalah timbul hanya apabila banyak kenderaan diletakkan tanpa kebenaran di atas bahu jalan laluan tersebut, yang menyebabkan kesesakan lalu lintas. Dan, masalah ini adalah satu masalah yang berpanjangan dan berterusan dan telah pun bermula sebelum penutupan lampu isyarat di simpang Taman Tasek yang berkenaan.

Untuk ini, Bandaraya akan menambahkan lagi bilangan papan tanda, papan tanda seperti 'Dilarang Meletak Kenderaan' di simpang jalan tersebut serta membuat garisan kuning berkembar. Selain itu juga, Bandaraya dengan kerjasama pihak Polis Trafik, dikehendaki sentiasa menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan di kawasan berkenaan bagi mengurangkan lambakan kenderaan di bahu jalan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Bandaraya Johor Bahru juga telah memaklumkan kepada Jabatan Kerja Raya akan perlunya dibina sebuah jejantas menyeberangi Jalan Tun Abdul Razak di hadapan Taman Tasek, bagi penggunaan pejalan kaki khususnya kanak-kanak sekolah. Perancangan pembinaan jejantas ini diberi keutamaan oleh pihak Jabatan Kerja Raya bagi pelaksanaannya secepat mungkin.

Bagi permohonan untuk membina atau mengadakan Pondok Polis pula di rumah kedai, yang dikatakan memang sudah dikenal pasti bagi menangani kes jenayah, pecah rumah dan pecah kedai, Bandaraya telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak Polis mengenai perkara ini, terutamanya dari segi peruntukan membeli atau menyewa bangunan kedai tersebut, kerja-kerja pengubahsuaian dan jumlah kakitangan yang akan ditempatkan di pondok Polis berkenaan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Adham ...

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ah Yang Berhormat saya dah sebut eh. Lain kali pantas bangun eh. Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dato' Speaker, soalan saya nombor 2.

Minta nyatakan perancangan untuk meletakkan pasukan bola sepak Johor di tempat yang baik di dalam Negara serta usaha terkini yang dilakukan di peringkat daerah dan Negeri Johor agar bakat-bakat yang baik dapat dicungkil untuk diketengahkan sebagai pemain terbilang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin ucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Pasir Raja berhubung dengan pembangunan bola sepak Negeri Johor. Saya percaya ini adalah disebabkan kejayaan pasukan bola sepak Negeri Johor satu ketika dahulu telah menjadi kebanggaan rakyat dan menjadi pemangkin kepada semangat perpaduan tidak mengira bangsa, khususnya di kalangan generasi muda.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Sukan Negeri Johor mempunyai 2 perancangan utama dalam usaha untuk meletakkan Pasukan Bola Sepak Negeri Johor ke puncak kejayaan.

1. Majlis Sukan Negeri Johor akan mengadakan kerjasama yang bersepadu di antara Jabatan Pelajaran Negeri, Sekolah Sukan Bandar Penawar di Pengerang dan Sekolah Sukan Negeri di Kluang bagi merangka program, bagi mengenal pasti bakat-bakat baru, seawal di sekolah rendah yang ditapis melalui pertandingan-pertandingan di peringkat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah. Pada masa ini, seramai 26 pelajar sedang dilatih di Sekolah Sukan Bandar Penawar dalam bidang bola sepak ini dan 35 orang pelajar di Sekolah Sukan Kluang oleh jurulatih-jurulatih yang bertauliah dan sepenuh masa. Selain daripada itu, terdapat 25 orang pelajar lagi yang terlibat dengan latihan di Akademi Bola Sepak di Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Utara, Johor Bahru. Dan, pelajar-pelajar ini juga didedahkan dengan pertandingan-pertandingan antara sekolah sukan dan juga pertandingan-pertandingan lain yang disusun oleh pihak sekolah yang berkenaan.

Selain daripada itu, Majlis Sukan Negeri Johor juga dengan kerjasama Sekolah-Sekolah Sukan ini akan mengadakan kursus-kursus kejurulatihan di kalangan guru-guru sekolah supaya mereka ini akan dapat mengembangkan sukan bola sepak ini di sekolah masing-masing.

2. Majlis Sukan Negeri Johor akan bekerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor untuk mengadakan Liga Bola Sepak Daerah di seluruh negeri selepas bulan Mei ini iaitu selepas pasukan, Persatuan Bola Sepak Daerah dan Negeri selesai mengadakan Mesyuarat Agung bagi memilih pucuk pimpinan mereka. Walaupun sebelum ini pernah saya nyatakan dalam Dewan ini, kita ada 3 jenis liga iaitu Liga Antara Pasukan Daerah-Daerah, Liga Antara Kelab-Kelab Divisyen 1 dan Divisyen 2 tetapi untuk tahun 2009 ini, kita bercadang untuk mengadakan salah satu daripada liga itu kerana liga ini pun dah lama kita tak adakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Sukan Negeri Johor juga dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Negeri Johor akan mengadakan kursus-kursus

kejurulatihan dan juga pengadil secara berterusan mengikut modul-modul yang telah ditetapkan. Kejayaan kita untuk mengadakan pasukan yang terbaik dalam negeri ini dan juga negara adalah bergantung sepenuhnya sebenarnya kepada pemain-pemain yang terpilih. Pihak Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Johor dengan kerjasama Sekolah-Sekolah Sukan dan Persatuan Bola Sepak sama ada peringkat negeri ataupun peringkat daerah akan sentiasa berusaha untuk memajukan sukan bola sepak ini, namun akhirnya kejayaan yang akan kita capai ini adalah terletak di kaki para pemain bola sepak ini. Cabaran, di antara cabaran dalam sukan bola sepak negara hari ini yang agak ketara ialah ada sebilangan daripada pemain bola sepak yang beraksi di tengah padang ini tidak beraksi dengan semangat kesukanan yang tulen tetapi mereka beraksi di tengah padang itu disebabkan oleh mereka makan gaji. So, ada sesetengah pemain itu dia memang tidak ada semangat pasukan, kekitaan dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Ya Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO Belia dan Sukan kerana apa yang keprihatinan yang ditanya ini ialah berkenaan dengan suara-suara orang-orang bola sepak terutama generasi muda. Setakat ini kita lihat Yang Berhormat belum menyatakan sasaran sebenar pemain yang akan dilahirkan untuk peringkat Negeri Johor dibawa ke peringkat, bertanding di peringkat nasional. Perkara yang perlu dibangkit di sini ialah kita tahu bahawa latihan diberikan di peringkat bawah, di peringkat asas dan peringkat daerah, peringkat negeri. Perkara yang hendak disoal di sini ialah apakah sebenarnya kriteria pemilihan pemain itu tepat untuk kita ambil kira pada waktu ini, memandangkan bahawa amalan baik antarabangsa dalam memilih pemain ialah mereka memerlukan pemain-pemain yang bertubuh sasa. Hari ini kita lihat bahawa pemain-pemain Negeri Johor kecil-kecil dan tidak boleh berupaya berlari 100 meter dalam waktu 9 saat ataupun.. itu satu kriteria. Kemungkinan Yang Berhormat boleh memberikan kepada kita kriteria sebenar yang perlu kita ketengahkan untuk memajukan bola sepak peringkat Negeri Johor.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengakuilah bahawa pemilihan pemain pasukan terutama sekali yang ada sekarang ini memang diadakan dalam keadaan agak tergesa-gesa, memang tidak melalui pun liga ataupun pemilihan secara ke akar umbi dan sebagainya. Malahan pemain-pemain kita yang berada di sekolah ini pun maknanya tidak di... walaupun dah dapat latihan di peringkat sekolah, Sekolah Bandar Penawar daripada umur 11 tahun dilatih sampai umur dia 20 tahun eh, tapi tak ada yang terpilih. Maknanya dari segi pemilihan saya mengakui bahawa pada kali ini memang tidak begitu menyeluruh dan untuk yang pasukan yang ada pada hari ini saya rasa itulah yang terbaik yang dapat dilahirkan. Walaupun tapi sebenarnya, walaupun saiznya kecil tapi pemerhatian sayalah, saya 3 kali saya bersama dia orang, dari segi *fitness*, dari segi, dari segi kekerapan untuk mereka berlari itu saya rasa tak jadi masalah cuma sebab mereka ini adalah kebanyakannya pemain yang baru. So, bila dia masuk ke padang dari segi psikologi itu yang masih lagi dia belum apa, dapat

mengawal. Contohnya, sejak pasukan ini memulakan cabaran dalam Piala FA dan juga Piala Liga, Liga Perdana. Untuk Piala FA, kita telah dapat mengalahkan pasukan FELDA United yang mana FELDA United ini pun dari segi pencapaiannya pun boleh tahan juga dengan kita menang di tempat lawan, kita memang di tempat kita sendiri 4-1 agregat. Cuma kita kalah di Kota Bharu, kita lawan dengan pasukan Kelantan kita kalah sebab bila pemain ini masuk ke padang, stadium penuh dengan penonton itu, dia psikologi dia. Tapi bila dia lawan dengan pasukan Kelantan di Stadium Larkin, kita pula memang 3-0. Kita kalah 1-5 di Kota Bharu kita memang 3-0 di Stadium Larkin. Dan selepas itu dalam cabaran Liga Perdana, setakat ini kita memang belum pernah kalah. Kita menang dengan FELDA United 2-1, dengan Shahzan Muda 2-0, dengan Melaka 4-0 dan kita seri dengan pasukan Terengganu.

Y.B. Dato' Speaker : Itu pasukan apa Yang Berhormat? Johor FC.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Ini Johor, saya ceritakan Johor FC Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Johor FC bagus, ha ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Sebab Johor ini ada dua pasukan, satu Johor FC, satu Johor FA. Johor FC ialah pasukan yang ditaja sepenuhnya oleh Johor Corporation dan Johor FA ini pasukan yang diurus oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dengan bantuan daripada Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Y.B. Dato' Speaker : Pasukan mana yang bagus?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Setakat ini Johor FA sebab Johor apa, baru sekali kalah itu pun dalam...

Y.B. Dato' Speaker : Oh, yang bawah Johor FC tu kalahlah eh? Banyak kalah? Ha, yalah oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Itu maknanya dari segi *fitness*, dari segi itu kita ada. Cuma kita dari psikologi belum dapat kawal.

Y.B. Dato' Speaker : Heh, ok habis. Tenang.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Rasanya selain daripada semangat dan sebagainya untuk menjadikan pemain bola sepak Johor berjaya di peringkat Negara, saya ingin tahu apakah imbuhan ataupun berapakah imbuhan yang dibayar kepada pemain-pemain bola sepak ini serta juga bagaimanakah pihak Johor FA barangkali melihat hal-hal kebajikan pemain-pemain ini. Mungkin inilah salah satu daripada sebab mengapa Yang Berhormat Dato', di samping kejayaan mungkin ada kelemahan di sana sini, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Dari segi imbuhan Yang Berhormat Dato' Speaker, pemain-pemain kita dibayar gaji. Yang paling tinggi RM6,000.00 dan yang paling rendah saya ingat dalam RM2,000.00, ikut *skill* masing-masing. Inilah yang saya katakan tadi, kebanyakan pemain-pemain kita ini dia masuk padang untuk beraksi disebabkan oleh makan gaji. Maknanya orang yang gaji dia besar mungkin dia main lebih sikit, yang gaji dia kecil mungkin dia main, ini, saya, saya perhati dia main sebab itu saya turun, saya bagi tahu dia orang sebab semua atas bahu dia oranglah apa harapan, apa rakyat Johor. Itu soal dari segi kebajikan saya kira tak ada masalah dan dari segi sakit, cuti dan sebagainya. Cuma yang membezakan itu dari segi itu, kan? Masih ada juga di kalangan pemain ini ialah pemain yang baru takkan nak dapat gaji yang besar sama dengan yang baru ini, pengalaman pun kurang. Tapi kita dari masa ke semasa kita memang akan sentiasa memantau dan sentiasa memikirkan hal ini. Hari ini memang Majlis Sukan Negeri Johor memang bekerjasama sepenuhnya dengan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor untuk sama-sama membangunkan bola sepak.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok. Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

Projek Cadangan Naik Taraf Lembangan Sungai Batu Pahat. Akhir tahun 2006 dan awal tahun 2007 Johor menghadapi cabaran banjir hebat. Daerah Batu Pahat juga terjejas akibat banjir ini. Ekoran cabaran banjir tersebut telah dirangka satu pelan naik taraf lembangan sungai Batu Pahat. Minta penjelasan status masa kini pelan perancangan naik taraf lembangan sungai Batu Pahat.

Y.B. Pengerusi Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, kajian Pelan Induk Projek Tebatan Banjir bagi lembangan Sungai Batu Pahat bermula pada 16 Mac 2008. Tarikh dijangka siap kajian ini adalah pada 15 Mac 2009. Pihak perunding kini dalam peringkat menyediakan draf *Final Report* dengan izin, untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, antara konsep reka bentuk yang dicadangkan oleh perunding adalah pembinaan tersusun, lencongan banjir, pembinaan ban, pencegah banjir dan menaik taraf sungai Rengit. Walau bagaimanapun, JPS Johor juga menjalankan kerja-kerja jangka sederhana bagi mengatasi banjir iaitu projek mendalamkan muara sungai Batu Pahat, membuang kelodak dan mendalamkan sungai Simpang Kiri, Simpang Kanan dan Sungai Bekok. Lantikan kontraktor untuk sungai Batu Pahat, Simpang Kiri dan Simpang Kanan sedang dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan. Manakala kontraktor bagi Sungai Bekok telah dilantik dan tarikh milik tapak pada 18 Februari 2009 dan dijangka siap pada 17 Ogos 2010.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ya, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya masih ingat pada awal tahun 2007, bila banjir besar melanda di Johor, kita cepat memaklumkan kepada rakyat bahawa satu projek naik taraf lembangan ini akan kita buat. Dan saya lihat sejak kebelakangan ini, walaupun kajian sedang dibuat daripada Mac 2008 dan berakhir pada 2009 pada tahun ini, tapi saya nampak kita ini macam leka sikit. Lupa, sebab banjir dah tak turun Negeri Johor. Jadi saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO, jangkakan bila agaknya projek ini akan mula dilaksanakan sebab pengalaman banjir 2008 eh, 2006 – 2007, banyak memusnahkan harta dan itu sedikit sebanyaklah menjejaskan keyakinan rakyat terhadap kita. Jadi agak-agaknya bila perkara ini akan dapat dilaksanakan?

Y.B. Pengerusi Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Memang seperti saya katakan, semasa menunggu laporan terakhir yang akan dikeluarkan pada 15 Mac 2009. Bagi langkah-langkah jangka sederhana memang JPS Johor telah buat untuk mendalamkan, membersihkan sungai dan juga membuang kelodak dan juga Sungai Bekok telah diambil tapak untuk bekerja dan untuk keseluruhan itu, kita kena tunggu laporan terakhir supaya dapat dikaji oleh Jawatankuasa Pusat dan dia akan ambil tindakan serta-merta selepas Laporan *Final Report* dengan izin, dapat. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Dato' Speaker, soalan tambahan. Selain daripada cadangan menaik taraf lembangan sungai, saya nak tahu sama ada skop kerja termasuk mendalamkan kuala sungai dan membina *automatic gate* di kuala sungai. Kerana seperti mana tuan-tuan sedia maklum, paras air lebih tinggi daripada darat di Batu Pahat. Saya mintak penjelasan daripada Y.B. EXCO.

Y.B. Pengerusi Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah katakan dalam langkah jangka sederhana kita adalah projek juga termasuk mendalamkan muara sungai Batu Pahat dan untuk keseluruhan itu, selepas laporan diperolehi oleh Jawatankuasa, itulah adalah untuk menaikkan taraf lembangan daripada hulu sampai hilir termasuk muara sungai.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, jemput.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Sila nyatakan jumlah pekerja yang telah diberhentikan daripada pekerjaan dalam tempoh 6 bulan berlakunya kegawatan ekonomi dunia.

- a. Jenis-jenis sektor.
- b. Pekerja yang bekerja di tempat lain setelah berhenti di tempat asal.

c. Pekerja warga asing yang diberhentikan dihantar pulang ke negara asal.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ja' affar bin Hashim, jemput.

Y.B. Encik Ja' affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 5.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan melalui Jabatan Sumber Tenaga Manusia terhadap pekerja-pekerja yang diberhentikan oleh sektor industri dan pembuatan di Negeri Johor ini?

a. Pengisian sumber manusia di Iskandar Malaysia yang dikatakan banyak kekosongan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Hamimah binti Mansor, jemput.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6.

Pengangguran.

a. Apakah tindakan kerajaan terhadap pekilang-pekilang yang tidak mengutamakan rakyat tempatan dari segi pengambilan pekerja dan apakah akta dan syarat yang dibuat mengutamakan keuntungan semata?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

Apakah tindakan Kerajaan Negeri Johor bagi membantu mereka yang telah kehilangan kerja akibat kegawatan ekonomi?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd Aziz bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 8.

Kegawatan ekonomi menjejaskan industri perkilangan dan pembuatan menyebabkan ada di antaranya terpaksa menutup operasi dan memberhentikan pekerja-pekerja mereka.

- a. Apakah langkah untuk membantu pekerja-pekerja yang telah diberhentikan?
- b. Jumlah pekerja tempatan yang diberhentikan atau ditamatkan kontrak?
- c. Sejauh mana penguatkuasaan dan pemantauan dari pihak berkuasa dalam menentukan kuota untuk pekerja tempatan dalam setiap kilang dipatuhi?

- d. Apakah tindakan untuk memastikan masalah tersebut tidak merebak kepada sektor perkhidmatan, perhotelan dan pelancongan?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Goh Tee Tee, jemput.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 9.

- a. Berapa ramai pekerja kilang yang terletak di Kawasan perindustrian Tangkak yang telah diberhentikan?
b. Adakah pekerja-pekerja asing yang diberhentikan kerja dihantar pulang ke negara asal dengan kadar segera?
c. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran yang kian hari bertambah?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 10.

Setakat bulan Februari 2009, berapa ramaikah pekerja tempatan dan asing yang telah diberhentikan kerja dan sila nyatakan bidang mana yang banyak memberhentikan pekerja di dalam Negeri Johor ?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ng Lam Hua, jemput.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 11.

Bagaimanakah Kerajaan Negeri Johor dapat membantu berpuluh-puluh ribu rakyat Johor yang telah menganggur akibat kilang di Singapura telah memecat pekerja asing?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 12.

Mohon JTK menyatakan berapa ramai pekerja yang telah diberhentikan oleh majikan dalam Negeri Johor semasa kegawatan ekonomi ini dan sejauh mana Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor menyelesaikan isu pemberhentian kerja rakyat berdaftar dengan JTK di negeri ini?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohamad, jemput.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohamad (Benut) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 13.

Minta dinyatakan perancangan Kerajaan Negeri dalam menangani pemberhentian dan pengurangan peluang pekerjaan berikutan pengecilan operasi, penutupan dan perpindahan kilang-kilang yang ada di Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Munusamy a/l Mareemuthu, mana dia, ha... ok, baru nampak.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 14.

Dalam masa krisis ekonomi sedunia, ramai pekerja tempatan telah hilang kerja. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan mereka yang terlibat ini dibantu. Sejauh mana respons dari pihak majikan untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi membanteras krisis ini?

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ha, yalah. Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, ...

Y.B. Dato' Speaker : Oh, banyak peminat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Selamat pagi dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi Dewan Undangan Negeri Kempas, Senggarang, Penawar, Yong Peng, Nusajaya, Tangkak, Permas, Bukit Batu, Mengkibol, Pasir Raja dan Benut yang telah membangkitkan perkara yang berkaitan dengan kegawatan ekonomi dan kesannya ke atas rakyat Johor khususnya dari segi pemberhentian pekerja dan usaha-usaha kerajaan yang telah diambil.

Yang Berhormat Dato' Speaker, punca kemelesetan ekonomi dunia ini seperti mana kita semua sedia maklum adalah dari kejatuhan pasaran saham di Amerika Syarikat dan implikasi kepada pasaran saham negara-negara lain juga terjunam akibat daripadanya. Jadi ini membuktikan betapa dominasi Amerika Syarikat dalam menentukan *trend* dan pola ekonomi dunia terutamanya kepada 60 buah Negara yang berdagang dengannya. Kesan ini juga turut melibatkan Malaysia yang mana Amerika Syarikat merupakan negara dagangan utama kita. Kemelesetan ekonomi ini turut berlaku di negara-negara seperti Jepun, Korea dan juga Kesatuan Eropah. Walaupun ekonomi berkembang di Negara-negara China dan India, namun perkembangan ini tidak dapat menampung kemelesetan yang berlaku di Negara-negara tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan Malaysia mempunyai jumlah pelabur asing yang besar, kemelesetan ekonomi yang berlaku di Negara-Negara tersebut turut memberi kesan kepada syarikat-syarikat yang beroperasi di Negara kita. Pada masa yang sama, kemelesetan ekonomi ini turut memberi kesan langsung, kesan langsung kepada syarikat-syarikat tempatan yang pengeluar mereka mempunyai kaitan langsung dengan barangan yang

diimport dari Negara-negara tersebut. Berikutan dari itu terdapat syarikat yang menerima impak dan menyebabkan operasi syarikat terpaksa disusun semula dan membawalah kepada pemberhentian pekerja.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pemberhentian pekerja ditakrif, ditakrif sebagai penamatan kontrak perkhidmatan akibat keadaan berlebihan pekerja, berlebihan yang timbul akibat daripada secara perbandingan, bila adanya penutupan syarikat, penyusunan semula syarikat, pengurangan pengeluaran, penggabungan syarikat, perubahan teknologi, pengambilalihan syarikat dan lain-lain sebab.

Untuk suku tahun keempat, iaitu bagi tempoh Oktober hingga Disember 2008, dilihat sebagai bermulanya fasa kelembapan ekonomi yang ketara dan telah menunjukkan peningkatan dari jumlah bilangan pekerja yang diberhentikan. Bagi tempoh 1 Oktober 2008 hingga 31 Disember 2008, sebanyak 39 buah syarikat telah memberhentikan pekerja di Negeri Johor. Dari jumlah berkenaan seramai 950 pekerja tempatan telah diberhentikan dan seramai 113 pekerja asing telah diberhentikan. Jumlah pemberhentian pekerja asing yang rendah ini disebabkan oleh pekerja-pekerja asing yang diuruskan oleh syarikat *out-sourcing* dikembalikan kepada syarikat berkenaan apabila berlakunya kekurangan kerja. Sektor yang terlibat, sektor yang terlibat yang menerima impak yang ketara ialah sektor pembuatan, sektor elektrik dan elektronik, tekstil dan juga pakaian. Manakala bagi tahun 2009 pula, dengan merujuk kepada perangkaan bulan Januari 2009, sebanyak 23 buah syarikat telah memberhentikan pekerja, bilangan pekerja yang telah diberhentikan ialah seramai 1,425 orang yang terdiri daripada 515 orang pekerja tempatan dan 910 orang pekerja asing. Bagi bulan Februari 2009 sehingga 16 Februari 2009, sebanyak 10 buah syarikat dari sektor pembuatan elektrik dan elektronik juga perkhidmatan di Negeri Johor telah memberhentikan seramai 359 orang pekerja dan dari jumlah berkenaan 209 adalah pekerja tempatan dan 150 orang adalah pekerja asing. Sebagai kesimpulan, dari segi pemberhentian pekerja bagi tempoh 2009, seramai 1,784 orang pekerja telah diberhentikan dengan pecahan seramai 724 sahaja pekerja tempatan, manakala seramai 1,060 orang pekerja asing.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, apa berlaku kepada 1,060 pekerja asing ini? Pekerja asing yang diberhentikan ini, nama mereka, nombor pasport mereka, nama majikan mereka ini, akan kita rujukkan ke Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut mereka. Ini adalah bertujuan untuk menghantar mereka pulang ke negara sumber dengan teratur.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah langkah-langkah majikan untuk mengelakkan pemberhentian pekerja terutamanya pekerja tempatan? Kerajaan amat prihatin dengan keadaan yang berlaku. Sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita tengok pada surat khabar hari ini, kenyataan Perdana Menteri mengatakan "Bajet Mini elak buang pekerja." Beliau juga menyebut, "Yakinlah dengan apa yang anda dengar dan baca. Kerajaan melakukan apa yang terbaik untuk Malaysia hadapi krisis ekonomi." Ini kenyataan Perdana Menteri pada surat khabar hari ini.

Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah mengeluarkan Buku Garis Panduan Pengurusan Pemberhentian Pekerja. Garis panduan ini diberikan kepada majikan-majikan bagi menerangkan kepada mereka kaedah-kaedah terbaik dalam melaksanakan pengurusan pemberhentian pekerja. Ini adalah kerana kerajaan berpandangan majikan yang sedang menghadapi masalah hendaklah mengambil semua langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengelakkan berlakunya pemberhentian pekerja. Dalam erti kata lain, pemberhentian pekerja adalah langkah terakhir yang diambil setelah semua usaha-usaha lain dilakukan bagi mengekalkan pekerja berkenaan dalam penggajian.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya ingin menjelaskan, apakah ataupun antara langkah yang boleh dan perlu diambil oleh majikan sebelum pemberhentian pekerja dilakukan mengikut tatacara keharmonian perusahaan iaitu:

1. Mereka perlu membekukan pengambilan pekerja baru kecuali bagi bidang-bidang yang kritikal.

Bidang-bidang yang kritikal Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai contoh baru-baru ini kerajaan membenarkan pengambilan pekerja untuk tukang masak, tapi pekerja-pekerja restoran tidak dibenarkan untuk tukang masak ini sebagai contohlah bidang kritikal yang mana memerlukan pengambilan. Jadi, selain daripada itu, pembekuan pengambilan pekerja baru.

2. Menghadkan kerja lebih masa.
3. Menghadkan kerja pada hari rehat mingguan dan cuti am.
4. Mengurangkan hari-hari bekerja dalam seminggu.
5. Mengurangkan waktu kerja harian.
6. Mengadakan program latihan semula kepada pekerja, ertinya mereka tidak diberhentikan tetapi mengadakan program latihan oleh majikan itu sendiri.
7. Mengenal pasti kerja-kerja alternatif dan pertukaran ke bahagian-bahagian lain di dalam syarikat yang sama.
8. Melaksanakan pemberhentian kerja sementara, misalnya dalam bentuk penutupan sementara dengan menawarkan gaji yang berpatutan dan membantu mereka mendapatkan kerja sementara di tempat lain sehingga operasi dapat diteruskan semula.
9. Mengurangkan gaji pekerja yang dibuat secara adil di semua peringkat adalah langkah terakhir selepas langkah-langkah penjimatan kos lain sudah dilaksanakan.

Saya juga ingin menekankan bahawa bagi mana-mana majikan yang menggaji pekerja asing, maka prinsip FWFO iaitu dengan izin *foreign workers first out* adalah terpakai yang mana pekerja asing sama ada yang digajikan secara langsung atau melalui *out-sourcing* hendaklah diberhentikan terlebih dahulu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tindakan kerajaan untuk membantu pekerja yang diberhentikan. Berikutan dari impak kemelesetan ekonomi dunia dan bilangan pekerja yang ramai diberhentikan maka, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah mengambil langkah-langkah berikut:

1. Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Pemberhentian dan juga Penempatan Semula Pekerja di Peringkat Kebangsaan juga di Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor dan juga di Pejabat Tenaga Kerja Cawangan iaitu di Johor Bahru, yang meliputi daerah Johor Bahru, Kota Tinggi, Pontian dan Kulaijaya. Di Kluang, meliputi daerah Mersing. Di Muar, meliputi daerah Ledang. Segamat dan juga di Batu Pahat.

Objektif penubuhan jawatankuasa ini ialah untuk bertindak sebagai Pusat Seheni. Kadang-kadang Yang Berhormat Dato' Speaker, tanggapan umum adalah Jabatan Tenaga Kerja ini cuma mendaftarkan bukan sahaja pekerja-pekerja yang diberhentikan tapi sebenarnya, pendaftaran pekerja yang diberhentikan adalah salah satu objektif.

2. Penempatan pekerja. Penempatan pekerja dengan menggiatkan usaha mendapatkan maklumat tentang kekosongan jawatan yang ada serta juga mengadakan temu duga terbuka. Itu objektif kedua.
3. Keperluan latihan bagi pekerja yang diberhentikan.
4. Bagi yang katalah dia sudah tak berminat bekerja, dia nak jadi usahawan. Jadi, kita menyelaras bantuan dari lain-lain agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, TEKUN, MARA dan lain-lain agensi untuk membantu pekerja yang memerlukan bantuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada langkah-langkah yang saya sebutkan tadi, apakah manfaat daripada langkah tersebut? Kini terdapat lebih daripada 1,700 jawatan kosong dalam sektor perkhidmatan, perhotelan, pelancongan, perladangan, pembinaan dan juga pertanian. Daripada jawatan kosong ini, saya tadi sebut 724 orang pekerja yang diberhentikan itu Yang Berhormat Dato' Speaker, 309 orang telah pun didapatkan kerja bagi mereka, 29 orang telah dihantar untuk mendapatkan latihan dan 3 orang setakat ini telah terlibat dalam bidang usahawan. Setakat 16 Februari 2009 Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, ini menunjukkan bahawa daripada 724 orang pekerja itu, lebih kurang 47% kita telah cari dia peluang yang lain.

Untuk merealisasikan hasrat agar pekerja ini terus mendapat pekerjaan alternatif, pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja bukan duduk pejabat aje Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka turun padang, menjalankan usaha menghubungi majikan, mendapatkan peluang pekerja yang ada. Selain itu juga, mereka bekerjasama dengan Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MAF) dan juga Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM).

Usaha giat dijalankan untuk melaksanakan pekerja yang diberhentikan ini juga mendapat pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerja yang diadakan dua kali sebulan. Program ini juga bertujuan untuk memperkenalkan dan menggalakkan latihan kemahiran yang melibatkan institusi latihan di bawah Jabatan Tenaga Manusia dan penyedia latihan yang telah dikenal pasti di bawah dengan izin *Train and Place* di kalangan pencari kerja. Pekerja-pekerja yang terlibat dengan pemberhentian serta golongan sasaran lain iaitu belia dan graduan menganggur juga dijadikan fokus dalam usaha ini. Di peringkat negeri Johor, program ini telah dijalankan pada 15 hari bulan hari itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita telah melancarkan Skim Latihan Dual Nasional di mana dijalankan di Angsana dan setakat ini kita mempunyai 1,191 orang perintis yang mana sedang menjalani di latihan di pusat-pusat yang kita maksudkan dan akan tidak lama lagi akan terus ditempatkan di mana mereka menjalani latihan. Kita ada 99 pusat latihan bertauliah, yang mana 44 yang diuruskan oleh pihak kerajaan, 45 diuruskan oleh pihak swasta.

Melalui Sistem Latihan Dual ini, katalah dia tu pekerja kilang, dia telah diberhentikan, dan kita akan tempatkan mereka dalam bidang yang lain sebagai contoh pekerjaan perkhidmatan, *facial* sebagai contoh. Kalau dia berminat nak terlibat dalam *facial*. Jadi, kita ada pusat bertauliah swasta yang mana berdaftar dengan JPK, mereka ini akan dihantar di sana, mereka akan dibayar elaun. Untuk mereka menerima latihan, mereka akan mendapat elaun. Dan ini kita galakkan supaya mereka tidak merasa bahawa tercicir daripada peluang mendapatkan pekerjaan. Ini kita telah lancarkan pada 15 Februari.

Pada 28 Februari ini, pada hari Sabtu, kita akan adakan juga program, dulu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita namakan Karnival Pekerjaan. Kadang-kadang karnival ini orang tak faham. Jadi, kita terus namakan dia Program Penempatan Pekerjaan. Jadi, kita akan panggil majikan. Siapa-siapa yang kena berhenti kerja, kita akan, mereka akan dapat ditempatkan, pada 28 Februari kita adakan di Kota Raya.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, ini mengenai Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia amat *significant* peranannya dalam melonjakkan pembangunan Negeri Johor di masa hadapan terutama apabila projek yang dicadangkan telah dilaksanakan. Kerajaan khususnya JTK bekerjasama rapat dengan agensi Pembangunan Iskandar Malaysia iaitu IRDA yang akan memaklumkan kekosongan jawatan yang ada melalui *JobsMalaysia*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini seperti semua sedia maklum, kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta, RM100 juta dari Kerajaan Pusat bagi Program Latihan Semula kepada pekerja-pekerja yang

diberhentikan. Dan pagi tadi saya dimaklumkan oleh Pengarah JTK, kerajaan juga telah peruntukkan RM70 juta lagi untuk penganggur-penganggur bagi mereka diberi peluang untuk mendapatkan pekerjaan-pekerjaan baru.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan ADUN Tangkak, yang merujuk, yang menanyakan bahawa di kawasan Tangkak tentang berapa kilang yang terlibat. Bagi tempoh Oktober 2008 hingga 16 Februari terdapat 2 buah syarikat iaitu elektronik dan pembuatan fius yang telah memberhentikan seramai 19 orang pekerja-pekerjanya. Tindakan telah diambil untuk memastikan pekerja berkenaan mendapat faedah di bawah peruntukan Akta Kerja 1955.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam melaksanakan fungsi jabatan untuk memastikan keutamaan pekerjaan kepada rakyat Malaysia dan warga Johor khususnya, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja mengalu-alukan pendaftaran pencari kerja. Jangan was-was. Kita mohon mereka untuk mendaftarkan terutamanya yang terdiri dari pekerja yang diberhentikan, belia, graduan menganggur melalui *JobsMalaysia* yang merupakan Portal Pencarian Kerja Utama Negara. Selain dari padanan yang dilakukan secara talian *online*, kadang-kadang orang tak berminat dengan *JobsMalaysia* dan komputer sebagainya. Usaha untuk memadamkan pencari kerja dan majikan yang menawarkan pekerjaan turut dilakukan secara manual seperti mana saya sebut tadilah oleh pegawai perunding kerjaya bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini semua adalah usaha-usaha kerajaan. Saya juga dalam Dewan yang mulia ini, ingin mengucapkan tahniah kepada salah seorang Ahli Dewan ini iaitu ADUN Senggarang yang mana telah membuat satu kenyataan, pejabat beliau tu dijadikan tempat, kalau ada orang kena berhenti, sila datang daftar di pejabat saya. Saya akan rujukannya ke pejabat Jabatan Tenaga Kerja. Ini menunjukkan betapa kerja usaha sama yang mana menjadi harapan kerajaan kira daripada kita menyatakan bahawa selalu sangat pekerja diberhentikan, tidak ada tindakan dan ini adalah tindakan yang pro aktif yang saya harapkan daripada semua pihak supaya kita sama-sama dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul.

Jadi, selain itu kerajaan juga telah membekukan pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan, elektronik dan perkhidmatan. Bagi sektor-sektor lain, pengambilan hanyalah bagi jawatan yang kritikal sahaja. Ok, adalah diharap dengan semua usaha yang dilakukan oleh kerajaan melalui jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia dan sikap pekerja yang tidak memilih kerja, di samping sedia untuk mengambil peluang bagi mengikuti latihan akan memberi ruang yang lebih luas bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan untuk mendapat pekerjaan dan upah yang lebih kompetitif. Terima kasih.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat...

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Kempas sekejap.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Dari apa yang kita dengar tadi, ini menampakkan satu fenomena yang agak kritikal dalam soal pekerjaan. Di mana daripada Oktober sehingga Januari lebih kurang 43 syarikat telah melakukan pembuangan kerja terhadap tidak kurang daripada 5,000 pekerja. Ini akan mencetuskan bukan saja keadaan ekonomi kita semakin lama semakin agak lemah tapi juga boleh menimbulkan permasalahan sosial terhadap masyarakat kerana begitu ramai pengangguran berlaku. Baru-baru ini kita ada dengar Kementerian Sumber Manusia telah pun mengeluarkan satu cadangan dengan belanja tidak kurang daripada RM50 juta. Wang ini akan diberikan kepada pekerja-pekerja yang bekerja di syarikat-syarikat dan syarikat tidak memberhentikan kerja kepada mereka tetapi memberikan kelonggaran untuk mereka ini bekerja selama tiga atau empat hari dan selebihnya mereka boleh keluar dan mengambil kursus-kursus di atas kemahiran-kemahiran dan juga tempat-tempat yang dikenal pasti dan elaun mereka dibayar oleh kerajaan dengan peruntukan yang saya sebutkan itu. Tetapi kalau kita lihat pembuangan pekerja di seluruh Malaysia sekarang ini tak kurang daripada 25,000 orang. Bermakna, kempen ataupun pendekatan yang dibuat kerajaan ini tidak sampai ke pengetahuan, berkemungkinan tidak sampai ke pengetahuan majikan-majikan. Adakah kerajaan sudah pun mengeluarkan surat pekeliling untuk menyampaikan segala maklumat ini dan kiranya ada di kalangan majikan-majikan yang sengaja ataupun mengambil kesempatan dengan sewenang-wenangnya membuang pekerja mereka daripada jawatannya, apakah tindakannya dan kiranya syarikat-syarikat ini tidak melaksanakan segala perkara yang baik di mana mereka diberikan peluang ini, apakah pula tindakan yang perlu dilakukan oleh kerajaan serta pemantauan terhadap perkara-perkara ini supaya tidak berlaku. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Kempas. Jadi, sepertimana saya sebutkan tadi, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Pemantauan dan Pemberhentian Penempatan Semula yang saya sebutkan tadi. Dia merangkumi Jawatankuasanya terdiri daripada wakil-wakil sepertimana saya sebutkan tadi, FMM, MAF, wakil-wakil majikan ada terdapat dalam Jawatankuasa tersebut dan kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja membuat pemantauan hampir setiap minggu. Hampir setiap minggu dan kerajaan juga telah mendapatkan unjuran pemberhentian, Yang Berhormat Dato' Speaker. Sebagai contoh, unjuran pemberhentian yang menurut rekod Jabatan Tenaga Kerja, katalah satu-satu majikan itu hendak memberhentikan pekerja, maka mereka perlu memaklumkan kepada pihak Jabatan Tenaga Kerja, enam bulan sebelum perkara itu berlaku. Jadi, untuk makluman Dewan yang mulia ini sehingga Jun, sehingga Jun...

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Dato' Speaker, maksud soalan saya tadi tentang perancangan kerajaan untuk membayar elaun ini bukan secara keseluruhan pembuangan kerja ni. Jadi, cara itu bagaimana pemantauannya adakah, jangan menjadi satu retorik saja perkara ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Saya, tadi dah dijawab soalan itu, maksud saya, soalan tambahan saya yang spesifik dalam soal itu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Ok, terima kasih. Dari segi pembayaran pampasan mungkin itu maksud soalan tadi, bahawa...

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Bukan pampasan, RM50 juta ni elaun. Tak tahulah, kita punya Pengerusi baca surat khabar atau dengar atau tidak? Sekarang ini, ada sistem dia boleh kerja dalam kilang, kalau dia kerja enam hari, tiga hari dibayar hanya oleh kilang dan tiga hari juga dia dapat elaun tapi dibayar oleh kerajaan. Dia pergi keluar dapat kursus, buat kursus, tapi gaji dia yang sepatutnya dibayar oleh kilang, dibayar oleh kerajaan. Tak tahulah Pengerusi kita *alert* atau tidak dengan perkara macam ini. Ini maksud saya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, saya benarkan sikit Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa, saya *alert*, saya *alert* kepada perkara-perkara ini. Jadi, saya maksudkan tadi skim latihan voluntary sebagai contoh. Kepada yang menjalani latihan, kerajaan akan bayar RM300.00 sebulan kepada mereka, kepada yang menjalani latihan ini. Jadi, peruntukan yang saya sebutkan oleh pihak kerajaan tadi, adalah untuk membiayai latihan, pertama, yang kedua untuk bayar elaun. Keduanya terkandung dalam perbelanjaan kerajaan yang dimaksudkan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Saya nak tarik...

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Skudai, Yang Berhormat dia tak ada bahas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Implementasinya sejauh mana?

Y.B. Dato' Speaker : Tak apa, saya tahulah, tak apalah, dia dah jawab. Yang Berhormat...

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Implementasinya sejauh mana sedangkan kalau kita tengok begitu ramai pembuangan kerja...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, tak apalah dia dah jawab, dia tidak berbahas dalam soalan tambahan tidak dibenarkan berwatak tak berpuas hati, itu nanti lainlah, dia dah jawab, ada pemberian RM300.00. Mungkin Yang Berhormat pun lebih, jadi kalau di bahas tidak habis eh, ok Skudai, saya kasi can.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya adalah setahu saya, sektor pembuatan dan sektor pembinaan banyak bergantung kepada pekerja asing, soalan saya adalah pada tiga bulan yang lepas lebih kurang berapa orang pekerja asing dari sektor pembuatan dan juga sektor pembinaan, pekerja asing dan pekerja tempatan yang dibuang kerja?

Y.B. Dato' Speaker : Emm, ada rekod Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Tak, saya rasa saya dah bagi. Terima kasih kepada soalan tambahan. Saya dah bagi tadi statistik bahawa 1,060, 1,060 orang pekerja asing yang telah diberhentikan bekerja berbanding dengan 724 pekerja tempatan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Adakah itu spesifik dari sektor pembinaan dan sektor pembuatan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Ramai daripada mereka ni adalah dari dalam sektor pembuatan.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Benut.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, bolehkah Yang Berhormat EXCO menyatakan, khususnya dalam sektor pembuatan syarikat-syarikat yang telah menutup atau mengecilkan operasi mereka. Saya bertanya begini Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana kalau kita lihat pada waktu ekonomi berkembang keadaannya sesuai untuk pelaburan, untuk pembangunan, pelbagai insentif disediakan oleh kerajaan, potongan cukai itu, status perintis, status itu dan ini, pelbagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dan kita jangka bukan hanya itu sebagai satu daya tarikan kepada pelabur luar datang ke negara kita tapi juga dalam masa yang sama dalam keadaan mereka berada di negara kita telah meraih keuntungan yang begitu banyak. Jadi, bagaimana usaha syarikat-syarikat berkenaan nak buat, dengan izin *reinvestment* dalam keadaan kegawatan begini. Jadi, kalau dapat agaknya pihak kerajaan menyatakan pada Dewan yang mulia, apakah syarikat-syarikat yang telah menutup, siapakah mereka dan sama ada menutup atau mengecilkan operasi mereka? Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingat soalan ini agak lari daripada soalan 1. Tapi, walau bagaimanapun, peranan yang dimainkan oleh pihak syarikat-syarikat yang besar dari segi memberi latihan dan juga dari segi memberi sokongan dalam hal ini, kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan

mereka ini dikehendaki bayar levi, levi 1% daripada pendapatan mereka kepada PSMB, Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Di mana dana itu akan digunakan pada waktu-waktu sebegini. Jadi, katalah syarikat-syarikat itu memberhentikan pekerja dan memberikan mereka latihan dan juga pendedahan kepada suasana baru maka levi ini akan digunakan sepenuhnya. Macam tadi, saya sebut yang RM300.00 itu untuk SMI dan SME tapi untuk syarikat-syarikat yang besar ini, mereka akan menggunakan levi tersebut untuk memberi latihan mereka dengan bayaran yang mungkin RM700.00 ke RM800.00 ke RM1,000.00 ke. Jadi, inilah sumbangan mereka dalam keadaan-keadaan yang meruncing begini kepada pekerja-pekerja mereka. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Sekejap.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Adakah mereka-mereka yang diberhentikan kerja diberi peluang untuk mengeluarkan wang dari KWSP untuk membantu mereka buat sementara?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Dari segi KWSPnya, saya ingat Yang Berhormat ada tanya soalan ini dalam, terdahulu dari soalan lain. Tapi, walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan ini, bagi KWSP dia termaktub di bawah Aktanya dan dari segi suasana begini mereka masih perlu ikut pada peraturan sedia ada.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau ikut laporan daripada IMF mungkin kita belum sampai ke tahap puncak untuk krisis kegawatan ekonomi dan dijangkakan lebih ramai pekerja akan mengalami nasib diberhentikan kerja. Sebab itu, saya tanyalah mungkin isu latihan itu penting ataupun isu sara hidup atau makan dia lebih penting? Sebab saya nak bangkitkan ini, saya nak tahulah apakah rancangan kerajaan supaya memberikan lebih banyak peluang kepada pekerja yang diberhentikan kerja itu untuk dapatkan peluang kerja dalam Negeri Johor ni?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingat saya telah sebut dalam saya punya ulasan tadi bahawa peluangnya diberi seperti mana saya sebutkan tadi penempatan pekerja-pekerja yang mencari kerja ni cuma mereka ni perlu datang daftar di Jabatan Tenaga Kerja dan urusannya akan dijalankan di mana pekerja-pekerja ni akan ditempatkan di sektor-sektor lain, yang mana ada kerja kosong. Seperti, seperti saya sebutkan tadi sektor pembinaan, sektor pertanian, jadi, semuanya bergantung kepada sikap mereka sama ada mereka hendak

terima atau tidak. Walau bagaimanapun, sepertimana ADUN Bukit Batu sebut, dari segi bantuan ihsan juga, bantuan ihsan juga telah pun diluluskan oleh pihak Kementerian untuk membantu sementara kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan. Jadi, apa yang kita harapkan di sini bahawa pihak pekerja-pekerja yang diberhentikan ini lebih *alert*, dengan izin, lebih *alert* dengan kemudahan-kemudahan, peluang-peluang yang diberikan dan jangan segan silu untuk mendapatkan nasihat dan juga panduan daripada Jabatan Tenaga Kerja di kawasan masing-masing.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Merujuk kepada kebanjiran pekerja-pekerja asing di negara kita ini khususnya, saya ingin maklumatlah. Apa terjadi kepada warga asing yang telah diberhentikan kerja setakat ini yang seribu lebih itu? Adakah mereka masih berada di negeri ini ataupun telah dihantar pulang? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Terima kasih soalan tambahan tadi. Yang Berhormat Dato' Speaker, sepertimana saya sebutkan tadi, warga asing yang diberhentikan ini, maklumat mereka, nombor passport mereka, nama majikan mereka akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen sebelum pemberhentian dibuat supaya mereka ini dihantar balik ke negara sumber. Itu, Jabatan Tenaga Kerja bekerjasama dengan Jabatan Imigresen untuk menghantar balik pekerja yang bakal diberhentikan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah Senggarang. *Last*.

Y.B. Encik Ja'afar bin Hashim (Senggarang) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan saya, Pejabat ADUN Senggarang memang telah pun membantulah, cuba membantu untuk mendaftar mereka-mereka yang diberhentikan kerja ini. Tetapi apa yang kami ataupun yang saya bimbangkan, agaknya berapa lama proses atau tindakan yang akan diambil setelah mereka mendaftar di JTK ini untuk, sama ada mengikuti latihan, skim, skim latihan ataupun ditempatkan di tempat lain. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, proses yang dimaksudkan oleh ADUN Senggarang tadi tidaklah mengambil masa yang lama. Sebagai contoh, katalah mereka, sebagai contohlah, di Batu Pahat, di Batu Pahat, kita ada pusat bertauliah yang memberikan latihan di bawah kerajaan tiga pusat dan di bawah swasta lapan pusat. Katalah pekerja di sana diberhentikan, mereka boleh mendapatkan latihan di luar skim dual ini di pusat-pusat tersebut. Mereka tak payah datang Johor Bahru. Jadi, apa yang saya maksudkan adalah apabila mereka datang di Jabatan Tenaga Kerja kita sudah ada senarai kerja-kerja, kilang-kilang ataupun majikan-majikan yang menawarkan kerja kosong. Masa tu juga, masa tu juga, kita akan memaklumkan kepada majikan yang

tersebut bahawa ada kerja kosong. Jadi saya rasa, Jabatan Tenaga Kerja memang efisien dan cuba selesaikan masalah ini secepat mungkin. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Puan Hamimah Binti Mansor, jemput.

Y.B. Puan Hamimah Binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 15.

Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Mengapakah bantuan KWAPM tidak diperluaskan hingga ke Sekolah Menengah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan Ahli daripada kawasan Penawar. Sukacita saya maklumkan pada Dewan yang mulia ini bahawa bantuan daripada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin telah pun diperluaskan ke Sekolah Menengah pada tahun 2006, tetapi hanya untuk pelajar Tingkatan Satu sahaja. Dan bagi pelajar Tingkatan Dua hingga Tingkatan Enam, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun memperuntukkan bantuan biasiswa. Walau bagaimanapun, kumpulan wang, Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin diberi kepada murid-murid Tingkatan Dua hingga Tingkatan Enam jika ada kes-kes kecemasan seperti banjir, kebakaran dan lain-lain bencana.

Y.B. Dato' Speaker : Lekas bangun. Ya.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya.

Y.B. Dato' Speaker : Permas Jaya.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Saya difahamkan bahawa Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ini, diluluskan oleh pihak Kementerian di Kuala Lumpur dan apabila pelajar-pelajar itu memohon, perlu menunggu sehingga tiga atau enam bulan. Saya difahamkan bahawa pemohon-pemohon yang dibuat pada tahun 2008 sehingga sekarang belum dapat kelulusan. Pihak PPD kata mereka telah rujuk kepada Kementerian. Adakah cara-cara lain untuk mendapatkan bantuan ini secepat mungkin, kerana apabila ibu bapa ini memohon untuk dapatkan bantuan ini dari, apabila daftar di sekolah pada bulan Januari, mereka perlu ditunggu sehingga enam bulan. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengakui bahawa bantuan untuk Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin bagi tahun 2009 ini belum lagi dikeluarkan untuk tahun ini. Dan bantuan ini biasanya di keluar secara serentak seluruh negara dan setakat ini memang kita belum dapat maklum balas lagi bila bantuan ini akan diturunkan ataupun diberikan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 16.

Prospek Masa Depan Buah-Buahan Tempatan Bermusim Di Johor. Minta Penjelasan Prospek masa depan buah-buahan tempatan bermusim di Johor. Buah-buahan tempatan bermusim yang dimaksudkan seperti durian, rambutan, manggis, duku dan lain-lain. Sila nyatakan jumlah keluasan tanaman dan kuantiti pengeluaran tanaman bermusim itu mengikut daerah serta statistik tahun 2006, 2007 dan 2008. Dilihat masa kini pekebun kecil tanaman ini gemar menjual pokok durian kepada industri yang berkaitan perkayuan. Apakah pelan yang diatur oleh kerajaan bagi memastikan buah-buahan tempatan bermusim terus hidup serta diwarisi oleh generasi akan datang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, pada masa ini tahap pengeluaran buah-buahan bermusim di Negeri Johor berjumlah 106,931.87 tan bernilai RM83.2 juta. Maklumat lanjut untuk keluasan beberapa jenis buah-buahan bermusim di Negeri Johor mengikut daerah adalah seperti lampiran yang akan saya sebutkan kemudian.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri Johor telah pun mengambil langkah untuk mengekalkan keluasan tanaman buah-buahan bermusim melalui Program Tanaman Dusun Baru dan Dusun Pemulihan. Bagi Program Tanaman Dusun Baru, kawasan projek yang dipilih melibatkan penanaman baka ataupun klon tanaman yang baru, yang mempunyai harga yang dijamin oleh pasaran dan diusahakan secara estet atau berskala besar. Manakala Program Dusun Pemulihan, pokok-pokok yang tidak produktif akan ditebang dan digantikan dengan baka atau klon baru atau lain-lain tanaman. Sebagai contohnya, klon durian D168 atau dikenali dengan durian emas dan juga dikenali dengan panggilan durian 101, berasal daripada pokok durian yang terdapat di Parit Haji Ali, Muar. Ia telah didaftarkan pada tahun 1988 oleh Jabatan Pertanian dan merupakan satu klon durian yang harga ladangnya tidak jatuh pada paras RM2.00 sekilogram. Ini adalah salah satu klon durian yang digunakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Johor untuk program mengganti klon durian kampung dengan klon baka baik. Pemilik dusun juga digalakkan menjalankan aktiviti tambah nilai di ladang masing-masing dengan menanam tanaman selingan seperti mas cotek, gaharu, salak, daun pandan dan tanaman herba serta lain-lain tanaman yang sesuai dengan tanaman dusun. Pemilik dusun juga digalakkan, menjalankan integrasi dengan aktiviti perikanan dan aktiviti ternakan seperti ternakan lembu, kambing dan bebiri di dalam ladang untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Kebun Integrasi seperti ini akan diteruskan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri telah memberi penekanan kepada Program Kebun Integrasi untuk dijalankan dengan lebih teratur dan terancang di Negeri Johor. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian dan agensi-agensinya terus memberikan khidmat pengembangan mengenai teknologi semasa, teknologi semasa berkaitan pengurusan tanaman

buah-buahan bermusim kepada pemiliknya seperti pemilihan baka tanaman yang baik. Kaedah penggunaan pembajaan yang berkesan serta kawalan penyakit tanaman yang, yang berkaitan. Malah aktiviti khidmat pengembangan ini diharap dapat meningkatkan kuantiti dan mutu pengeluaran buah-buahan bermusim supaya dapat dipasarkan dengan harga yang lebih baik kepada pengguna. Kerajaan Negeri Johor juga membantu di dalam aktiviti pemasaran buah-buahan bermusim melalui FAMA Negeri Johor dengan mengadakan gerai-gerai yang sesuai untuk menjual buah-buahan tersebut di samping ruang pasaran yang sedia ada di pasar tani dan Pasar Tani Mega FAMA.

Di samping itu, jabatan dan agensi kerajaan telah dan sedang melaksanakan langkah-langkah untuk menghadapi lambakan buah-buahan bermusim dengan mengadakan pusat-pusat belian dan simpanan sementara bagi mengatasi masalah ini. Jabatan dan agensi bekerja rapat dengan rakan mereka di negeri-negeri lain supaya dapat mewujudkan jaringan pemasaran supaya sekiranya berlaku lambakan buah-buahan bermusim di Negeri Johor dapat dipasarkan di negeri lain di Semenanjung ini.

Selain itu juga, Kerajaan mengambil langkah-langkah baru dengan mewujudkan industri hiliran daripada buah-buahan bermusim ini, seperti industri sejuk beku durian yang diwujudkan di Tangkak mulai tahun 2008 yang mana, lambakan durian dapat ditampung dengan industri sejuk beku ini. Seterusnya, industri jus buah-buahan yang akan bermula pada tahun ini, yang dibina di Machap, Simpang Renggam, ini semua adalah satu pendekatan yang baru yang boleh mengembangkan potensi buah-buahan bermusim.

Mengenai keluasan tanaman memang pada dasarnya, sehingga tahun 2008 terdapat penguncupan daripada segi keluasan dan keluasan pada tahun 2006 di Johor berkaitan dengan pokok durian. Pada tahun 2006, seluas 29,629.55 hektar dan keluasan pada tahun 2008 menguncup kepada 22,593.75 hektar. Ini mungkin kebanyakan mereka mengambil peluang dengan harga kelapa sawit yang agak tinggi pada tahun-tahun tersebut. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dah habis. Mana-mana soalan yang disenaraikan tidak dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama. Jurutulis.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Yang Berhormat Encik Tang Nai Soon, Yang Berhormat Encik Ng See Tiong, Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, Yang Berhormat Dr. Boo Cheng Hau, Yang Berhormat Encik Gwee Tong Hiang, Yang Berhormat Datuk Haji Ariss Bin Samsudin, Yang Berhormat Encik Ong Kow Meng, Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, Yang Berhormat Dr. Haji Sheikh Ibrahim Bin Salleh, Yang Berhormat Dr. Haji Mohamad Bin Taslim, Yang Berhormat Tuan Haji Ayub Bin Jamil, Yang Berhormat Dr. Shahrudin Bin Md. Salleh dan Yang Berhormat Dato' Haji Baderi Bin Dasuki ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2008) (NO. 4) TAHUN 2008.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2008) (No. 4) Tahun 2008 dibacakan kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca Kali Yang Pertama.

Jurutulis : SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2008 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan, saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang keempat bagi perbelanjaan bekalan tahun 2008. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM184,000.00 sebagaimana yang dimasukkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 2 jawatankuasa seperti berikut:

- 1) Jawatankuasa Hasil Bumi dan Pentadbiran Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor RM146,000.00.
- 2) Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor RM38,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2008 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-Maksud yang tertentu.

Y.B. Dato' Speaker : Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM38,000.00 bagi Maksud B.13, Perancangan Bandar dan Desa jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.13, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Johor. Peruntukan tambahan sebanyak RM38,000.00 ini adalah diperlukan untuk memperlaraskan kira-kira di atas tambahan perbelanjaan yang telah dilakukan bagi membayar emolumen dan imbuhan tahunan kepada anggota-anggota pejabat pada tahun 2008.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM146,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat Johor. Peruntukan tambahan sebanyak RM146,000.00 diperlukan untuk memperlaraskan kira-kira di atas tambahan perbelanjaan yang dilakukan bagi bayaran emolumen dan imbuhan tahunan kepada anggota-anggota pejabat pada tahun 2008.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.

Y.B. Dato' Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2008 (4) tahun 2008 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat undang-undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut: Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2008 (4) tahun 2008.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 2009 (NO. 1) TAHUN 2009.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2009 (1) Tahun 2009 dibaca kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2009 dan bagi peruntukan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali kedua sekarang dan tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang pertama bagi perbelanjaan bekalan tahun 2009. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM85,000.00 sebagaimana yang dimasukkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah dua jawatankuasa seperti berikut:

- 1) Jawatankuasa Hasil Bumi Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor RM9,000.00.
- 2) Jawatankuasa Agama Negeri Johor RM76,000.00.

Dan, penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2009 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Y.B. Dato' Speaker : Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukkan wang berjumlah RM76,000.00 bagi Maksud B.32, Jabatan Mufti jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang terhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.32, Jabatan Mufti Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM76,000.00 diperlukan untuk menampung pembelian sebuah kenderaan jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM9,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing, peruntukan tambahan sebanyak RM9,000.00 diperlukan adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota yang bersara.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya Fasal yang pertama jadi sebahagian Rang Undang-Undang ini. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal yang pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2009 (No. 1) Tahun 2009 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Bahawa, oh, tertinggal. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut: Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2009) (No. 1) Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin membawa rundingan supaya Dewan kita ini ditangguhkan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang terhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong rundingan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat sekejap, sekejap je, seminit. Ok, Ucapan Tanggahan Mesyuarat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat pagi dan salam sejahtera. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk memberikan ucapan penangguhan kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor Bahru menjadi Gerbang Selatan dan pintu masuk bagi pengunjung dan pelancong asing ke Semenanjung Malaysia. Hakikat tidak dapat dinafikan bahawa ekonomi Johor Bahru amat bergantung kepada pengunjung dari Singapura dan pekerja Malaysia bekerja di Singapura yang membawa balik berjuta-juta ringgit pertukaran asing setiap hari.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut statistik pada tahun 2006 lebih kurang 23,500 orang Singapura melawat Johor Bahru sehari dan membelanjakan lebih kurang RM5.3 juta sehari. Pada tahun 2008, 16 juta kekerapan orang Singapura melawati Malaysia serta mendatangkan pendapatan sejumlah RM21.96 bilion.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang amat mendukacitakan ialah semenjak pembukaan Kompleks Kastam Imigresen dan Kuarantin Iskandar baru-baru ini, peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja khususnya di Jalan Wong Ah Fook dan Jalan Meldrum sedang mengalami kerugian dan kemerosotan dalam perniagaan. Skudai telah melawati para peniaga di sekitar Jalan Meldrum dan Jalan Wong Ah Fook, hampir semua penjaja dan peniaga di sana telah mengadu bahawa perniagaan mereka telah merosot kerana ramai orang dan khususnya pengunjung-pengunjung dari Singapura kini mengelak atau *by-pass* Jalan Wong Ah Fook dan Jalan Meldrum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, nampaknya ramai Ahli-Ahli yang nak keluar pergi main golf.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai mengharapkan Kerajaan Negeri Johor...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, sekejap je...

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Saya minta tarik baliklah kata tuduhan kata Yang Berhormat keluar main golf. Jadi, tuduhan itu tidak baik, sangkaan jahat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok, saya tarik balik. Skudai mengharapkan Kerajaan Negeri Johor dan Majlis Bandaraya Johor Bahru mengambil tindakan dalam kadar segera serta memastikan bandar raya Johor Bahru dan khususnya Jalan Wong Ah Fook bersejarah sejak zaman Sultan Abu Bakar tidak menjadi satu *Ghost Town*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai juga mengharapkan Kerajaan Negeri Johor akan membantu peniaga-peniaga dan menjaga penjaja-penjaja di kawasan Jalan Wong Ah Fook dan Jalan Meldrum. Ada tindakan yang disyorkan oleh golongan awam adalah membuat satu perhentian bas untuk menurunkan penumpang di Jalan Tun Razak berhampiran dengan KIK lama. Pergerakan lalu lintas ini dipercayai akan membantu dan memberangsangkan aktiviti perniagaan di Jalan Wong Ah Fook dan Jalan Meldrum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, maka, pengajaran dari pengalamannya adalah sesuatu pembangunan baru mesti dikaji dengan terperinci kesan dari segi kesan sosioekonomi, alam sekitar dan juga kesannya atas warisan pusaka kita. Sesetengah kalangan mengesyorkan supaya KIK lama dibuka semula untuk kegunaan pejalan kaki, penunggang motosikal dan bas sekolah yang keluar masuk Singapura sejumlah beribu-ribu setiap hari.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai juga mencadangkan tapak warisan seumpamanya Kuil Hindu Sikh di Jalan Ungku Puan, Masjid India Muslim Johor Bahru di Jalan Duke, Tokong Cina di Jalan Trus yang bersejarah beratus-ratus tahun disenaraikan sebagai tapak warisan serta dimajukan sebagai tapak tarikan pelancong. Usaha-usaha untuk meningkatkan pusat bandar raya baru sebagai tapak warisan sepatutnya diberikan sokongan sepenuhnya oleh kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini dalam satu majlis, Datuk Bandar Johor Bahru telah menyatakan bahawa warga bandar mengharapkan perkhidmatan yang cekap, efisien dan sistematik dari MBB. Skudai berpendapat masih terdapat pelbagai kelemahan dari segi perkhidmatan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Banyak infrastruktur seperti longkang, parit dan jalan di bawah bidang kuasa PBT tidak diurus dengan baik. Jalan-jalan dipenuhi dengan lubang-lubang, longkang-longkang banyak tiada penutup atau jeriji besi. Ini amat memalukan. Contohnya ada yang menyatakan singkatan nama Johor Bahru, JB juga dikenali sebagai jalan berlubang. Ramai orang telah cedera dan ada yang telah mati jatuh akibat lubang-lubang di atas jalan. Malahan baru-baru ini Majlis Bandaraya juga telah di saman di mahkamah kerana seorang pembonceng motosikal mati...

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Nak mencelah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia tak boleh ganggu.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ...di Jalan raya. Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai dimaklumkan tahun lalu Majlis Bandaraya Johor Bahru telah membayar pampasan kepada keluarga yang kehilangan ibu mereka yang mati

jatuh dalam longkang yang tidak tertutup. Keadaan yang sama terdapat di sepanjang jambatan bertingkat Jalan Senai, Jalan Pontian, Skudai di mana penutup besi longkang tepi jalan telah kecurian selama dua tahun. Tetapi setakat ini belum ada sebarang tindakan dari JKR untuk memperbaiki keadaan ini walaupun belum ada kematian dilaporkan berkaitan dengan ketiadaan penutup longkang di sana. Akan tetapi, usahlah pihak berkenaan bersikap, sudah terhantuk baru tengadah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai mengharapkan kontraktor-kontraktor yang berkeupayaan dan mempunyai pengalaman serta rekod prestasi yang baik dilantik. Skudai juga mengesyorkan bahawa kontrak-kontrak kerajaan akan ditawarkan secara tender dibuka seperti yang diamalkan oleh PBT-PBT Kerajaan Pulau Pinang dan juga diamalkan oleh PBT-PBT di Johor dalam penawaran kontrak-kontrak pembinaan infrastruktur serta dalam penyelenggaraan jalan. PBT dan Kerajaan Negeri sepatutnya dibenarkan kuasa untuk menawarkan kontrak kepada kontraktor tanpa mematuhi klasifikasi kontraktor Kementerian Kewangan secara buta, tetapi dibenarkan membuat penilaian tersendiri untuk menjimatkan kos projek-projek di bawah bidang kuasa PBT dan kerajaan negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada warga Johor yang prihatin mengambil inisiatif sendiri untuk membantu PBT untuk membuat pemantauan. Sebagai contoh, blog www.johorbahruwatch.blogspot.com banyak memaparkan gambar dan berita tentang keadaan di persekitaran Bandaraya Johor Bahru yang memerlukan perhatian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, contohnya longkang-longkang yang tidak diurus dengan baik, bermakna air bertakung dan ini menjadi bahaya kepada kesihatan. Johor merupakan antara negeri yang mempunyai kes-kes tinggi dan Chikungunya yang terbesar. Di Jalan Titiwangsa 3, Taman Tampoi Indah, sebagai contohnya, air longkang tidak mengalir dengan baik dan penuh dengan jentik-jentik. Diharapkan PBT agar lebih peka dan prihatin serta mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah yang telah dibawa ke perhatiannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah pemegang saham Dana Johor masih belum diselesaikan. Para pemegang saham Dana Johor masih mengadu bahawa mereka terpaksa menjual balik saham mereka kepada Permodalan Johor Berhad dengan harga RM0.50 seunit berbanding dengan RM1.00 seunit saham belian balik Amanah Saham Johor. Perbezaan dalam harga ini telah menyinggung hati para pelabur Dana Johor. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berjanji dalam mesyuarat yang lalu, penggal persidangan Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Johor akan menawarkan harga belian balik yang sama untuk ASJ dan Dana Johor iaitu RM1.00 seunit saham dibeli balik, maka janji berkenaan masih belum diperkatakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang menyakitkan hati para pelabur Dana Johor adalah layanan berdiskriminasi oleh Permodalan Johor Berhad menghulurkan harga belian balik yang ketaranya amat berbeza daripada

harga belian balik untuk Amanah Saham Johor. Maka harga berbeza dalam belian balik saham ASJ dan Dana Johor boleh dikatakan dasar ekonomi bercorak *aparteid* sebab corak layanan kerja dilaksanakan kepada dua golongan warga Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, lagipun Skudai dimaklumkan pelabur Dana Johor yang meminjam pinjaman daripada sesetengah bank dikenakan dua jenis kadar bunga iaitu ahli atau Bumiputera dan bukan ahli, bukan Bumiputera. Di mana peminjam bukan Bumiputera dikenakan bunga yang lebih tinggi tanpa menentukan status sosioekonomi seseorang peminjam. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dasar ekonomi sedemikian bukannya tindakan *affirmative* atau *affirmative action*, dengan izinnya, yang berasaskan status sosioekonomi untuk menerima bantuan, tetapi ia sebenarnya bersifat *aparteid* yang berasaskan politik perkauman di mana golongan dominan diberikan bantuan pula.

Yang Berhormat Dato' Speaker, *aparteid* bukan sahaja berkenaan dengan aspek fizikal sahaja di mana segregasi penggunaan kemudahan awam berasaskan warna kulit dan kebumiputeraan. Aspek *aparteid* yang paling mendahsyatkan adalah dasar ekonomi, pendidikan, budaya dan bahasa berasaskan ketuanan dan kebumiputeraan Afrikaner iaitu orang putih di Afrika Selatan berketurunan Belanda yang dikatakan mengasaskan kerajaan bertamadun pertama di Afrika Selatan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, lagi seminit.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Untuk makluman Dewan yang mulia...

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat, seminit lagi.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Untuk makluman Dewan yang mulia ini, *aparteid* adalah sebenarnya dimulakan untuk membantu orang putih yang miskin berstatus *native* atau *help the poor white natives*, dengan izinnya. Maka apa yang amat mengecewakan adalah sesetengah tokoh politik di Malaysia masih mempercayai Bumiputeraisme atau *nativism* sebagai piawai diberikan kepada keutamaan mutlak untuk bantuan kerajaan, walaupun Bumiputeraisme ini merupakan ideologi *aparteid* atas prasangka bahawa kaum-kaum tertentu memperoleh hak istimewa yang tidak dapat dipertikaikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah diharapkan Dewan yang mulia ini dan Kerajaan Johor dapat mendengar kritikan secara terbuka khasnya dalam dasar sosioekonomi dan pembangunan modal insan. Iskandar Malaysia akan berjaya jika dasar-dasar sosioekonomi lebih terbuka dan dilaksanakan. Sebelum Iskandar Malaysia berjaya, minda kalangan awam dapat berubah melalui perbahasan secara terbuka dan maklumat tepat.

Yang terhormat Dato' Speaker, seterusnya Skudai ingin membuat ulasan terhadap Peraturan Dan Perintah Tetap Dewan yang mulia ini. Peraturan Dan Perintah Tetap Dewan yang mulia ini sepatutnya memupuk demokrasi jika sebarang pindaan diingini iaitu mencontohi Parlimen termasuk mengiktiraf

kedudukan parti pembangkang dan memudahkan proses mendapatkan maklumat tepat berkenaan pentadbiran kerajaan. Maka peluang untuk mendapatkan maklumat rasmi amat penting untuk memastikan pentadbiran kerajaan diuruskan dengan baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu hak bilangan soalan semasa setiap persidangan Ahli-Ahli Dewan ini tidak sepatutnya diperketat dengan skala besar seumpamanya Dewan Undangan Negeri Selangor membenarkan 10 soalan lisan dan 10 soalan bertulis di setiap Mesyuarat Persidangan Dewan. Di sebaliknya, Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini sepatutnya digalakkan untuk mempersoalkan pentadbiran kerajaan negeri dengan lebih proaktif.

Yang Berhormat Dato' Speaker,...

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ...tambahnya, Bahasa dalam Peraturan Dan Perintah Tetap Dewan ini seharusnya dimodenkan...

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ...Selaras dengan ...

Y.B. Dato' Speaker : Dah habis.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Satu *paragraph* lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Emm.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Satu minit lagi. Selaras dengan istilah undang-undang terkini. Contohnya rundingan yang dimaksudkannya adalah usul dalam istilah rasmi undang-undang. Diharapkan Jawatankuasa Peraturan Dan Perintah Tetap akan berusaha memodenkan bahasa yang digunakan dalam Peraturan Dan Perintah Tetap sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai telah memohon supaya Undang-Undang Tubuh Negeri Johor dibekalkan kepada semua Ahli Dewan yang mulia ini. Ianya adalah amat mustahak bagi Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini supaya dapat mengkaji Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri...

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ...secara mendalam serta mempelajari proses menubuhkan kerajaan negeri secara *constitutional*. Sekianlah ucapan penangguhan Skudai. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Yang Berhormat, ada nak jawab.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Skudai yang memulakan istilah-istilah sakit hati, *aparteid*, bumiputeraisme, hak dan sebagainya. Yang Berhormat Dato' Speaker, dan ada juga istilah yang digunakan oleh Yang Berhormat tadi tak salah saya berkaitan dengan soal istilah ketuanan tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Skudai ni, adakah dia sedar bahawa dia sudah pun pada paras melampau, pelampau yang sempitlah Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya nak mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini, bahawa rujukan mengenai ketuanan Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya ialah dirujuk kepada raja. Dato' Speaker, tanah ini tanah Malaysia ni, yang dulunya Tanah Melayu telah pun diambil alih oleh penjajah daripada raja Melayu. Pada mulanya Inggeris menggunakan pendekatan apa yang dipanggil, pemerintahan secara tidak langsung, *indirect rules* dengan melantik Residen, Penasihat dan sebagainya. Tapi selepas itu, penjajah, selepas perang kedua, dia mempunyai cita-cita untuk menjajah tanah ini secara langsung melalui Malayan Union, ditakluk, diperintah secara langsung oleh Jabatan Kolonial yang ada di London. Tetapi pada masa tersebut, Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat Malaysia, rakyat Tanah Melayu terdiri daripada masyarakat yang ada dipimpin oleh Dato' Onn dan selepas itu Tunku Abdul Rahman menuntut kemerdekaan. Dan penjajah telah pun mengambil keputusan bahawa mereka tidak mampu lagi untuk terus menjajah bumi kita ini, maka apa yang diputuskan oleh penjajah ialah dia mengambil Tanah Melayu ini untuk dijajah, dia ambil daripada Raja Melayu, Dato' Speaker. Maka dia mengambil keputusan untuk dia balik semula ke negeri dia. Maka dia mengambil keputusan untuk menyerahkan balik tanah ini kepada tuannya Dato' Speaker, iaitu kepada Raja, Raja Melayu, itu maksud kepada ketuanan, ketuanan Raja. So, jangan salah tafsir. So, sebenarnya, mengenai ketuanan ini, jangan ditakrifkan bukan ada unsur politik, satu masyarakat lebih tinggi, lebih *superior* daripada yang ada, actually, sebenarnya dia merujuk kepada ketuanan raja di tanah ini. (Dewan bertepuk) So, kalau pihak daripada Skudai, saya percaya dia nak menggunakan, nak lawan pula ketuanan raja ni dengan ketuanan rakyat. So, saya nak menasihatkan, Yang Berhormat Dato' Speaker, soal ketuanan ini, ketuanan yang berkaitan dengan raja.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai, minta laluan. Nak buat penjelasan sikit sebab saya tak pernah sentuh ketuanan raja-raja.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat,...

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat sebut tentang soal ketuanan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia ucapan Yang Berhormat, dia tak ganggu, Yang Berhormat bebas berucap, bila jawab Yang Berhormat tak payah kacau.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Saya nak jelaskan supaya jelas. Saya tahu bahawa Yang Berhormat menggunakan Dewan ini sepenuhnya untuk menyebarkan perkara-perkara di luar Dewan ini untuk mendapat perhatian (Dewan bertepuk). Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap jelas quote bahawa yang dirujuk tentang ketuanan ialah Raja yang sebenarnya. Inggeris sendiri mengakui bahawa nak menyerahkan balik negeri ini supaya merdeka diserahkan balik kepada tuannya iaitu Raja (Dewan bertepuk). So jangan *play the fool with this* istilah Dato' Speaker. Dato' Speaker, Yang Berhormat dah sebut tadi di jalan, di Jalan Trus, saya tiap-tiap hari lalu Jalan Trus, saya jumpa gereja dulu lepas itu saya jumpa apa tokong, lepas itu saya jumpa kuil, tokong dulu, kuil, lepas itu Gadhara, lepas itu saya jumpa masjid.

Y.B. Dato' Speaker : Sikh pun dia.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Semua ada di situ Dato' Speaker. Yang Berhormat guna istilah *apartied*. Ya, tidak ada negara dalam dunia ini Yang Berhormat Dato' Speaker, di mana wujudnya amalan yang begitu terbuka liberal, moderat. Tadi, Yang Berhormat sebut *apartied* ada kaitannya dengan sama ada agama, bahasa dan sebagainya, Yang Berhormat Dato' Speaker. Mana satu negeri walaupun negara jiran pun tidak ada ruang yang dibuka kepada mana-mana pihak untuk mengamalkan cara hidup masing-masing. Walaupun dalam soal agama, dalam soal bahasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi ialah yang berkaitan dengan bumiputeralism dikaitkan dengan *apartied*. Saya ingat tak tahulah saya apa yang pihak media nak. Kadang-kadang saya berfikir bahawa ada di antara bukan ada semuanya digunakan dalam Dewan ini untuk mendapat perhatian umum yang disebarkan melalui media, tetapi saya lebih cenderung untuk mengatakan bahawa dengan menggunakan hujah-hujah seperti demikian di Dewan yang mulia ini untuk mendapat perhatian di luar dan Yang Berhormat Dato' Speaker untuk pada sayalah tujuannya ialah untuk *to provoke* sikap negatif daripada setengah sebahagian daripada masyarakat, *is very provocative*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tetapi kita tak buat, tetapi kalau saya balik di kampung Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bawa apa Yang Berhormat gunakan istilah tadi ekuiti bumiputeralism to *aparteidism*. (Dewan Bertepuk). *That what* kalau saya, saya tak keterlaluan suatu yang agak melampau, *you know* dari segi sama ada luahkan sentimen yang ada pada Ahli Yang Berhormat itu sendiri ataupun dalam pemikiran dia. Saya harap masyarakat umum agak lebih rasional untuk menimbangkan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Skudai pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kemudian berkaitan dengan Dana Johor, kalau tak salah saya dia sebut juga yang berkaitan dengan gunakan istilah diskriminasi kalau tak salah saya, diskriminasi Yang Berhormat Dato' Speaker, adakah Yang Berhormat daripada Skudai tahu bahawa sumber pinjaman daripada kalangan pemegang saham datangnya daripada Maybank, CIMB, Affin, OCBC, macam-macam bank. Yang Berhormat katakan bahawa ada unsur diskriminasi

yang dibuat oleh Bank Rakyat di antara peminjam Yang Berhormat Dato' Speaker, Bank Rakyat ialah Bank Koperasi Syarikat Kerjasama di mana ada keahliannya. Maka di antara ialah amalan yang ada kepada koperasi ialah memberi pinjaman dengan agak sedikit perbezaan layanannya, peruntukannya dan kebetulan menggunakan pendekatan syariah. Maka kadar keuntungan kepada ahli yang meminjam Bank Rakyat agak kurang sedikit daripada bukan ahli Yang Berhormat Dato' Speaker. Itu sahaja bezanya, tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat nak gunakan Bank Rakyat dan berkata bahawa satu amalan yang ada diskriminasi sekali lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingat Yang Berhormat Dato' Speaker, *I mean* Yang Berhormat daripada Skudai ini penuh dengan banyak prasangka yang negatif terhadap kita semua ni. Bezanya ialah satu koperasi yang mengamalkan memberi peruntukan kepada ahlinya.

Yang Berhormat sepatutnya maklum juga, orang bumiputera orang Melayu meminjam yang bukan ahli meminjam di Bank Rakyat mendapat layanan yang sama dengan orang bukan bumiputera. *You see, how you can check that*, kedua ialah Yang Berhormat Dato' Speaker, adakah Yang Berhormat Skudai tahu bahawa dalam Dana Johor tu unit *holders*nya lebih kurang 31,000 Dato' Speaker. Orang Melayu yang meminjam ialah yang membeli saham ialah 49%, *you know there is no discrimination*. Melayu dan bukan Melayu yang membeli unit di dana Johor mendapat layanan yang sama Dato' Speaker. Bukannya diskriminasi, kalau katakan kemudian kita nak ok Amanah Saham Johor, Amanah Saham Johor Yang Berhormat Dato' Speaker, dia dimulakan lebih kurang tiga tahun lebih awal satu. Kedua, dia di apa tu amanah saham tersebut ialah pada nilai kalau tak salah saya lebih kecil lagi iaitu pada paras kalau tidak salah saya lebih kurang RM300 juta dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa Amanah Saham Johor pada suatu ketika sampai pada harga RM2.12. Berbeza dengan Dana Johor yang tiba pada paras yang paling tinggi iaitu RM1.15. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, bila kita mencadangkan untuk pelaksanaan skim untuk kita memulangkan balik unit ini kepada unit *holders* maka harga RM1.00 adalah agak wajar untuk Amanah Saham Johor berdasarkan kepada, satu ialah paras harga yang pernah dia tempa. Maka RM0.50 agak wajar untuk Dana Johor Dato' Speaker. So, ada asas yang agak rasional bukan untuk mengamalkan diskriminasi antara unit *holders*, di antara Amanah Saham Johor dengan Dana Johor Dato' Speaker. Jadi, untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa kita, kita meneruskan RM0.50 ini hingga bulan Jun 2009 dan tadi Yang Berhormat menggunakan istilah janji saya tak kata saya janji kita akan berusaha ke arah untuk penyelesaian yang muktamad Dato' Speaker. Jadi kita mengalu-alukan juga jualan balik pada harga RM0.50 untuk Dana Johor selama lebih kurang 5 tahun ini dapat sambutan yang baik, suatu yang baik rata-rata separuh daripada unit *holders* telah pun menjual semula Dato' Speaker. Ini satu petanda yang baik. Oleh itu saya ingin memaklumkan pada Dewan yang mulia ini bahawa RM0.50 ini berterusan hingga Jun 2009 dan kita melihat kemungkinan untuk kita menyelesaikan perkara ini secara yang lebih muktamad melampaui tahun 2009 mudah-mudahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dua hari yang lalu pun kita melihat bagaimana Amanah Saham di seluruh dunia jatuh bermula dengan keyakinan yang

tergugat di pasaran Amerika dia melimpah ke pasaran di sebelah rantau Asia merebak ke Eropah dan terus sampai ke Amerika Selatan sekalipun. Seluruh dunia dua hari yang lalu melalui satu pengalaman amat luar biasa di mana rata-rata pasaran saham merudum pada paras yang agak tinggi secara meluas itu dua hari yang lalu. Sepanjang penubuhan Amanah Saham Johor Dato' Speaker, dan Dana Johor ini berapa kali kita menghadapi masalah ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tak mengatakan bahawa dalam pelaburan yang dibuat oleh 100 kali sahaja. Lebih-lebih lagi dalam bentuk saham. Kita tahu bahawa Amanah Saham ini terkandung di dalamnya ialah satu *basket* dengan izin, dengan saham-saham yang ada dalam pasaran. Maka, aset ini ialah tertakluk kepada turun naiknya harga yang ada dalam pasaran. Sepanjang penubuhannya kalau tak salah saya Dana Johor ditubuhkan pada tahun 94 dah dekat 14 tahun 94, 97 kita menghadapi krisis kewangan, kita menghadapi penurunan harga saham, pasaran saham sepanjang 14 tahun ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh yang demikian walaupun rasa saya pada tahun 93 ke 94 ada pihak berjanji bahawa dengan keyakinan yang ada pada masa tersebut mungkin Amanah Saham Johor meningkat pada paras harga yang agak baik begitu juga Dana Johor tetapi dalam hal kita membuat pelaburan Dato' Speaker, maka kita terpaksa jugalah menanggung risiko dalam pelaburan kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu kerajaan sebenarnya pihak yang mewujudkan Amanah Saham ini pihak Syarikat Johor Corporation sebenarnya anak syarikat dia walaupun begitu Dato' Speaker, Kerajaan Negeri cuba membantu untuk menyelesaikan perkara ini. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa agak kesal apabila Yang Berhormat menggunakan isu ini untuk mencetuskan sentimen diskriminasi di antara masyarakat. Dengan walhal kita tahu bahawa sebenarnya saya katakan tadi bahawa daripada 31,000 pemegang unit tadi Dana Johor 49% ialah orang bumiputera sendiri Dato' Speaker. Jadi, kami tidak mengenakan istilah diskriminasi langsung dalam perkara ini tetapi Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli daripada Skudai dengan tidak rasa any *reservation* dengan izin, untuk membuat tuduhan-tuduhan yang melulu seperti sama ada ianya unsur amal pengamal diskriminasi antara masyarakat dan juga sampai kepada tahap menyamakan di antara apa yang digunakan istilah bumiputeralism dengan amalan apartied. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, ini adalah satu pendedahan yang agak, yang begitu kesal yang pernah dibuat dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak merujuk kepada perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai Kompleks Kastam Imigresen dan Kuarantin ini. Yang pertamanya kita kena mengambil kira bahawa KIK yang ada masih lagi menggunakan apa dipanggil akses yang sementara apabila jambatan tidak dapat dibina ganti kepada jambatan ialah apa yang dipanggil *mid term, short term access, short term access* yang ada ini. Kemudian, pihak Kerajaan Persekutuan pula mencadangkan bahawa satu penyelesaian tempoh masa sederhana. Iaitu kalau tidak ada jambatan maka

untuk menggunakan KIK yang ada ini secepat mungkin perlu diwujudkan, dibina akses sementara. Walaupun begitu perlu direka bentuk satu akses yang dipanggil pertengahan, tempoh pertengahan yang mana pada *ultimately* dengan izin, dapat digunakan sebahagian daripadanya untuk jambatan yang mungkin dapat dibina, maksudnya begitu. So, ada tiga senario di sini. Yang pertama, senario yang pertama ialah jambatan. So, *now* jambatan is nampaknya belum nampak lagi dalam tempoh masa yang ada ini. Maka perlu kepada sementara supaya KIK yang digunakan yang dah siap tidak terbiar sekian lama. Walaupun begitu perlu kepada satu cadangan untuk membina dalam tempoh sederhana ini yang agak lebih efisien lagi, efisien maknanya di antara jambatan dengan sementara ini. Jadi, yang tempoh sederhana ini reka bentuknya dah siap Dato' Speaker, dah siap. Maka, yang tempoh sederhana ini, insya-Allah kalau dibina dia akan menjadi sebahagian daripada jambatan, begitu. Jadi, apabila kita gunakan yang sementara ini, maka di antara yang terpaksa kita tampung ialah di antaranya hubungan di antara sebelah timur Johor Bahru dengan sebelah barat Johor Bahru tersekat, laluan tersekat. Kalau sekiranya yang tempoh sederhana dibina maka antara timur dan barat Johor Bahru akan terbuka untuk menjadi laluan, sebahagian daripada laluan. So, oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sebut perkara ini untuk memberikan satu gambaran yang agak lebih wajarlah bahawa impak kepada JB Central ini sama ada di Wong Ah Fook ke di Meldrum ialah dalam konteks akses yang sementara ini.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun begitu, langkah-langkah telah pun diambil, di mana Bandaraya telah pun mengambil langkah untuk meletakkan kemudahan pengangkutan bas di Jalan Tun Razak, di Jalan Wong Ah Fook pun masih ada lagi bas untuk menerima penumpang. Diwujudkan kemudahan *shuttle* oleh syarikat bas untuk memudahkan juga pengguna membuat pilihan untuk sampai kepada destinasi yang terdekat melalui *shuttle* ini. Sementara itu pula pihak Bandaraya mengadakan berbagai bentuk daya tarikan sama ada dalam bentuk bazar dan sebagainya untuk terus menjadikan JB Central ini masih lagi mendapat kunjungan daripada pengguna.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi ini dan nampaknya ialah kita kalau tak silap saya, 16 Disember, KIK yang baru dibuka. Ini, hari ini ialah kalau tak salah saya 25 Februari, baru dua bulan setengah agaknya, Yang Berhormat Dato' Speaker. Dua bulan setengah. Saya tak katakan bahawa perkara yang dibangkitkan oleh masyarakat peniaga di situ, kita tidak, kita ambil maklum, kita ambil peduli walaupun kita kena terima hakikat bahawa yang telah pun, impak yang telah pun kita terima ialah dalam tempoh dua setengah bulan ini. Jadi, kita perlu tengok agak dalam tempoh yang agak panjang sedikit untuk kita melihat impak yang berterusan sempena dengan akses yang sementara ini.

Walaupun begitu Yang Berhormat Dato' Speaker, Bandaraya telah pun menjalankan beberapa sama ada kegiatan ataupun kemudahan-kemudahan untuk memudahkan pengguna dan untuk membawa masyarakat ke kawasan sama ada di Meldrum ataupun di Wong Ah Fook. Walaupun begitu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita kena melihat impak jangka masa panjang. Satu, ialah sama ada jambatan dibina ataupun kita bina di *Medium Term Solution*,

dengan izin, kepada jambatan. Maka, itu satu lagi impak baru yang akan berlaku terhadap JB Central.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya melihat banyak juga bandar-bandar dan kota-kota, saya tahu macam di Melbourne, Kota Melbourne sendiri sebagai contoh Dato' Speaker, di mana pada tahun-tahun 60-an maka di sebelah barat maka wujud *supermarket* di antara yang masa tu 60-an terbesar, sampai sekarang di antara yang terbesar pusat perniagaan. Di utara Melbourne begitu juga. Dan, di *East*, di sebelah timur, maka, dan kedudukan pun beralih sama ada di sebelah barat ke, di sebelah utara ke di kota tersebut. Kemudian, maka berlaku satu proses penyesuaian yang berlaku pada kota tersebut. Maka di antaranya kalau dulu misalnya bahawa Kota Melbourne adalah tempat untuk membeli belah, sekarang ini telah pun ada langkah-langkah untuk menjadikan kota itu hidup sebagai satu kota yang hidup, a *living city*. Maka, ada di antara ruang-ruang, bangunan-bangunan yang dulunya menjadi bangunan komersial maka diubah menjadi sama ada, ada yang menjadi butik hotel, ada yang menjadi residential, ada yang menjadi apartmen. Jadi, ini adalah di antara apa yang berlaku pada satu-satu kota sempena dengan perubahan-perubahan yang berlaku. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, di Johor Bahru ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, maka pembangunan sudah pun berlaku. Sama ada di sebelah Tebrau ke, di sebelah mana lagi ya, di Skudai, dan tak lama lagi, bukan tak lama lagi, walaupun Yang Berhormat daripada Skudai mungkin tak yakin bahawa di Kulai akan ada satu *big shopping centre*, sudah pun berlaku Yang Berhormat Dato' Speaker.

Jadi, Johor Bahru, walaupun kalau tak kerana KIK pun Dato' Speaker, maka JB Central perlu membuat perubahannya. Apatah lagi, kalau Dato' Speaker, bila berlakunya pembangunan di kawasan seperti di Danga, seperti di sebelah kalau tak salah saya di Pantai Lido, Lido Boulevard yang akan berlaku kesemua di situ. Jadi, dan pembangunan-pembangunan ini juga akan menjadikan, walaupun bukan di tengah-tengah JB Central ini, tetapi di sekitar JB Central ini akan ada satu suasana kependudukan yang baru, Dato' Speaker, termasuklah kalau dapat dilaksanakan projek yang dicadangkan, di hujung Sungai Segget ini mungkin ada juga pembangunan yang menempatkan kependudukan di situ. Dan, pada hari ini Alhamdulillah Dato' Speaker, di Sungai Segget ini saya nak maklumkan bahawa, Yang Berhormat sepatutnya mengambil sama kita punya pendekatan ini iaitu menggunakan EM, *Effective Microorganism*, rupa-rupanya dalam tempoh kalau tak salah saya tak sampai setahun dua lebih apabila setahun setengah ini, apabila Bandaraya telah pun menggunakan EM ini, *Effective Microorganism* ke Sungai Segget maka tahap air di Sungai Segget yang dulunya pada paras paling rendah, paras 5 Dato' Speaker, sekarang ini sudah jadi paras 2. *This is the verified*, dengan izin, oleh pihak pakar sains Universiti Teknologi. Ini satu perubahan yang agak mendadak daripada paras 5 menjadi paras 2. Kalau paras 1, paras 2 hidupan air boleh hidup. Jadi, makna Sungai Segget sudah pun mula bersih dan hidupan akan wujud di situ. Jadi, sekarang ini Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sedang pun melihat kemungkinan untuk kita sama ada buka semula Sungai Segget itu di mana kita mempunyai satu suasana air betul-betul di hadapan Bandaraya di JB Central itu sendiri Dato' Speaker. Jadi, saya menyebut perkara ini untuk juga melihat satu

kemungkinan yang sepatutnya berlaku di JB Central ini satu proses transformasi juga di JB Central ini sempena dengan bukan sahaja kerana KIK itu sahaja Dato' Speaker, tetapi apa yang berlaku di Iskandar ini sendiri. Sama ada JB Central ini terpaksa, sama ada dia terpaksa bersaing ataupun dia terpaksa berubah bukan kerana semata-mata KIK.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi ialah berkaitan dengan soal parit, longkang. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dalam, walaupun dalam EXCO, dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri saban masa Dato' Speaker, ini satu kerja, ialah Menteri Besar Dato' Speaker, dia soal agama, soal tanah, parit pun, sampah, Dato' Speaker. Jadi, Yang Berhormat, janganlah mengatakan bahawa kita tidak mengambil berat perkara ini. Sebenarnya Dato' Speaker, di Bandaraya Johor Bahru ini ada laluan jalan yang di bawah bidang tugas Bandaraya jalan-jalan sepanjang kalau tak salah saya 1,500, 1,450 km. di bawah bidang kuasa Bandaraya Johor Bahru ini Dato' Speaker. Selain daripada Jalan Tun Razak, Jalan Wong Ah Fook, Jalan Skudai. Itu *federal*. Tapi yang dijagai di bawah bidang kuasa satu Bandaraya ialah 1,450, jadi, eh 4,150km. Satu ialah tugas yang agak besar, yang terpaksa dipikul oleh pihak Bandaraya. Yang Berhormat Dato' Speaker, kita terimalah bahawa berlaku kerosakan di sana sini kerana tekanan sama ada dalam bentuk laluan, apa itu, pengangkutan yang menggunakan laluan-laluan tersebut kerana tekanan yang dibuat oleh cuaca dan sebagainya.

So, Yang Berhormat Dato' Speaker, Bandaraya telah pun mengambil langkah iaitu mewujudkan satu kumpulan untuk mengesan seberapa cepat yang boleh, apa itu, jalan-jalan yang rosak dan menggunakan keupayaan mereka serta merta untuk membetulkan kerosakan-kerosakan tersebut. Dan, amalannya Dato' Speaker ialah, tadi Yang Berhormat Dato' Speaker, apa itu, daripada Skudai mengatakan jangan membuta tuli menerima peraturan-peraturan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita tak gunakan peraturan nanti Yang Berhormat kata kita *abuse our power*. Bila kita gunakan peraturan dia kata kita membuta tuli menggunakan peraturan. Tapi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita dalam kerajaan ini kita mengamalkan cara-cara sama ada ianya kontraktor yang ada itu dipilih berdasarkan mereka berdaftar dengan CIDB, yang ada pada PKK, yang tertakluk kepada peraturan yang dibuat oleh Kementerian Kewangan dan nak pastikan bahawa kontraktor yang dipilih Dato' Speaker, saya dimaklumkan bahawa dipilih kemudian diserahkan kepada mereka mengikut gilirannya. Yang dipilih itu berdasarkan kepada penilaian yang dibuat sama ada dari segi keupayaan kewangannya, prestasinya dan juga daripada menepati dengan peraturan-peraturan yang dikenakan oleh pihak Kementerian Kewangan.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu saya ingin maklumkan bahawa saya tidak pernah merujuk tentang perkara-perkara yang, ialah yang agak kita boleh persoalkan apa yang boleh dibuat oleh kerajaan-kerajaan negeri yang lain, Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita tidak pernah sebut. Tapi, kita tidak payah diajar Dato' Speaker. Di Negeri Johor ini rata-rata kita menggunakan *open tender* Dato' Speaker. Kita, negeri telah pun

mengamalkan sekian lama pendekatan tender terbuka ini. Pada hari ini sahaja Dato' Speaker, kita di Iskandar Malaysia ini, kita ada peruntukan tidak kurang RM2 bilion dan di peringkat pelaksanaan. Kesemuanya yang untuk sama ada untuk meningkatkan apa tu persimpangan, melebarkan jalan, semuanya melalui proses tender terbuka.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengalu-alukan apa yang dirujuk oleh pihak *blogist*, saya dimaklumkan bahawa pihak Bandaraya merujuk kepada apa yang dibangkitkan oleh mereka yang membangkitkan tentang perkara-perkara ini dalam blog masing-masing, itu kita tidak akan biarkan begitu sahaja. Bahkan, Bandaraya ada talian bebas, bebas tol, ada perkhidmatan kaunter, aduan dan email dan sebagainya untuk menerima aduan-aduan secara langsung. Jadi kita mengalu-alukan laporan-laporan yang boleh disampaikan oleh pihak umum untuk pihak Bandaraya menyelenggarakan apa tu kerosakan-kerosakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya Yang Berhormat daripada Skudai membangkitkan tentang soal bahasa dan Peraturan Perintah Tetap. Yang pertama Dato' Speaker, bila kita terbuka maka dengan izin Dewan ini, ada pihak yang salah gunakan keterbukaan ini. Sampai soalan-soalan berjela-jela Dato' Speaker. *I mean*, walhal kita di Dewan Rakyat, kita dimaklumkan bahawa soalan lisan ialah kalau tak salah saya dihadkan kepada lima Dato' Speaker. Tapi bila tidak ada had dan batasannya nampaknya ada pihak yang ... Jadi kita gunakanlah contoh yang paling terdekat iaitu di antaranya Parlimen Malaysia. Maka apa yang berlaku di Dewan Negeri Johor ini di antaranya ialah Dato' Speaker, apa yang diamalkan di Dewan Rakyat di Malaysia ini.

Y.B. Dato' Speaker : Dan lebih baik.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : (Ketawa). Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, tentang soal bahasa, Yang Berhormat ada sebut nak ubah perkataan rundingan dengan usul. Yang Berhormat Dato' Speaker, nak dimodenkan bahasa Dato' Speaker, saya ada elok Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam soal penggunaan bahasa dalam peraturan perintah apa tu Peraturan Dan Perintah Tetap Dato' Speaker, di antaranya ini adalah satu tradisi yang telah wujud 50 tahun Dato' Speaker. Jadi saya nak menasihatkan pihak yang nak melihat tentang soal susun bahasa dan penggunaan istilah ini, janganlah kita dengan sewenang-wenangnya kita mengubah di sana sini. Jadi, saya percaya Ahli Yang Berhormat dapat menerima bahawa rundingan ialah apa yang ada di hadapan Dewan untuk dirundingkan dan untuk dipertimbangkan dan dibahaskan dan diputuskan. Itu yang digunakan sejak 50 tahun Dato' Speaker. Jadi saya, kalau Yang Berhormat nak katakan dimodenkan dengan menggunakan istilah usul, saya ingat istilah rundingan itu agak lebih mendalam maknanya apa yang ada di hadapan Dewan atas istilah rundingan yang ada di hadapan Dewan untuk diputuskan.

Jadi Dato' Speaker, itu adalah di antara apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Skudai untuk saya merujuk bagi pihak kerajaan.

Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih dan penghargaan di atas kesempatan untuk merujuk kepada ahli daripada Skudai tadi. (Dewan bertepuk)

Y.B. Dato' Speaker : Ok, terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, selesai dah Persidangan kita hari ini. Persidangan akan datang mungkin kita pergi ke Dewan Negeri yang baru tak lama lagi. (Dewan bertepuk). Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ada ni semua dapat peluanglah pergi di Dewan yang baru. Dua, lepas ini kita ada jamuan makan ya. Jadi semua Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Dewan Negeri termasuk sahabat kita daripada pembangkang jangan tak datang, kita pun jemput makan sama ya. Jadi saya ucap terima kasihlah dalam Persidangan kita ini kita dapat berjalan dengan baik. Rasa saya dalam Malaysia ini Speaker Johor ajalah yang terbaik kalau di banding Speaker lain. Banyak dia punya kelebihan. Speaker lain ahli Barisan pun boleh marah saya juga. Ha, ini kelebihan kita dalam Persidangan Negeri Johor.

Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan saya tangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:55 pagi.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis

Tuan Haji Mohd. Halim bin Hasbullah

Penolong Jurutulis

Cik Shubannah binti Yusuf

Kordinator

Encik Abdul Rahman bin Mohd. Yusof

Pemberita Dewan

Puan Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan

Cik Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Tadbir (Mesyuarat)

Puan Zainah binti Mansor

Pembantu Tadbir Rendah

Puan Hanita binti Mohamed

Pembantu Am Rendah

Encik Ahmad Amizan bin A. Samad
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi

Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)

Puan Zalina binti Ali
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

Puan Inson binti Abdul Wahab
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan)

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Zuliani binti Mohd. Noh
Pejabat Ketua Hakim Syarie Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

Puan Lindawati binti Othman
Pejabat Pengarah Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ)

Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi
Pejabat SUKJ Cawangan Kerajaan Tempatan

Puan Aidah binti Kinot
Pejabat Mekanikal JKR Johor

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat SUKJ Cawangan Perumahan

Puan Haironisha binti Zainal Abidin
Pejabat Menteri Besar Johor (Politik)

Rakaman

Encik Abdul Rahman bin Elias
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Encik Mohd. Suhazli bin Mohd. Nordin
Jabatan Penerangan Negeri Johor

**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR**

3 Mac 2009